



LAPORAN TAHUNAN



**LEMBAGA
TEKNOLOGIS
MALAYSIA**

 www.mbot.org.my



66,856

**JUMLAH
KESELURUHAN
PENDAFTARAN**

1,045

**JUMLAH
KESELURUHAN
PENILAIAN
AKREDITASI**



34 Kunjungan Hormat
Perluas Program
Akreditasi



Sesi Perbincangan
Ketetapan Amalan
**Tingkat Kesedaran
Pemegang Taruh**



Memperluas Sayap
Kerjasama Global
**Kukuh Hala Tuju
MBOT**




Woman Technologist
Chapter (WTC)
**Bagi Iktiraf
Teknologis Wanita**



Sumbangan Berterusan
MBOT Dalam Memperkasa
**Dasar Sains
dan Teknologi**



TTAC Standard Second Edition
**Memperkasa
Kelestarian
Penambahbaikan**



**PENCAPAIAN
2022** LEMBAGA
TEKNOLOGIS
MALAYSIA

88


**JUMLAH
KESELURUHAN
MEMORANDUM
PERSEFAHAMAN
(MOU)**

509

**JUMLAH
KESELURUHAN
SESI PENILAIAN**

1,506

**JUMLAH
KESELURUHAN
PROGRAM
PEMBANGUNAN
PROFESIONAL
BERTERUSAN
- CPD**



>6

PRAKATA PRESIDEN

01



>10

ANGGOTA LEMBAGA

- SENARAI MESYUARAT LEMBAGA
- SENARAI MAJLIS & JAWATANKUASA

02



>16

CARTA ORGANISASI

03



>18

MENGENAI MBOT


- FUNGSI LEMBAGA VISI, MISI & OBJEKTIF
- GARIS MASA PENUBUHAN MBOT
- CARTA ALIR PERMOHONAN
- LALUAN PENGIKTIRAFAN PROFESIONAL
- 24 BIDANG-BIDANG TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL

04

>26

PEMBANGUNAN PROFESIONAL

- PENDAFTARAN
- PENILAIAN PROFESIONAL
- STATISTIK BERKAITAN PENILAIAN PROFESIONAL
- SENARAI ORGANISASI YANG MENJALANKAN PENILAIAN *OUTSOURCED*
- MAKLUMAT MENGENAI KAEDAH BAHARU
- PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN - CPD
- CIRCULAR
- JENIS-JENIS AKTIVITI CPD MBOT
- LIBAT URUS BERKAITAN PENDAFTARAN



05

>36

AKREDITASI

- JUMLAH PROGRAM AKREDITASI YANG DILULUSKAN
- JUMLAH PROGRAM YANG DILULUSKAN MENGIKUT TAHUN
- JUMLAH PROGRAM YANG DILULUSKAN MENGIKUT KATEGORI
- SENARAI AHLI MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI & TEKNIKAL (TTAC)
- TAKWIM MESYUARAT MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI & TEKNIKAL (TTAC) MBOT
- BENGKEL LATIHAN PANEL PENILAI TTAC MBOT
- JUMLAH PANEL PENILAI MENGIKUT BIDANG TEKNOLOGI & TEKNIKAL
- LIBAT URUS BERSAMA KEMENTERIAN, PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI & AGENSI BERKAITAN
- LIBAT URUS BERKAITAN AKREDITASI
- PEMAKLUMAN/PENGUMUMAN BERKAITAN



06



>48

KETETAPAN AMALAN

- CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PENERIMAAN GRADUAN TVET KE DALAM SEKTOR AWAM

07

>50

PENGANTARABANGSAAN

- LIBAT URUS
- PENYERTAAN MBOT DALAM SEOUL ACCORD
- MOU SOUTH-EAST ASIA CYBERSECURITY CONSORTIUM (SEA CC) PARTNERSHIP



08

>55

INISIATIF

- WOMAN TECHNOLOGIST CHAPTER (WTC)
- SKILL TALENT ENHANCEMENT PROGRAM FOR FOURTH INDUSTRIAL REVOLUTION (STEP4IR)
- LEARNED SOCIETY
- TECHZONE
- MBOT THURSWEB WEBINAR



09

Kandungan

>60

PROGRAM

- ENTICE 2022 (MBOT EXPERTS NETWORK IN TECHNOLOGY, INNOVATION AND COOPERATIVE EVENT)



10

>64

LIPUTAN MEDIA



11

>68

PENYATA KEWANGAN

- RINGKASAN KEWANGAN
- LAPORAN KEWANGAN
- PECAHAN TERIMAAN MBOT 2022
- SIJIL PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN



12

Prakata Presiden

**YBhg. Prof. Datuk Ts. Ir. Dr.
Siti Hamisah binti Tapsir, FASc.**

Presiden Lembaga Teknologis Malaysia

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua Teknologis dan Juruteknik berdaftar, rakan-rakan dalam industri, Institusi Pengajian Tinggi, agensi Kerajaan dan organisasi yang bekerjasama serta membantu MBOT dalam mengharungi tahun 2022.

Pada tahun 2022, Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah melantik empat Anggota Lembaga baharu yang diyakini akan memperkukuhkan lagi kedudukan MBOT dalam mencapai matlamat yang disasarkan.

MBOT juga telah menerima Sijil Audit Bersih daripada Jabatan Audit Negara bagi tujuh tahun berturut-turut mulai tahun 2016 sehingga kini. Saya percaya bahawa ini adalah usaha dan komitmen bersama semua pihak dalam memastikan MBOT sentiasa berdedikasi dalam menjalankan fungsi utamanya untuk mengiktiraf profesion Teknologis dan Juruteknik, terutamanya semasa pasca pandemik.

Pendaftaran Teknologis dan Juruteknik mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan di mana MBOT telah meluluskan 18,344 pendaftaran pada tahun 2022, yang menjadikan jumlah keseluruhan pendaftaran adalah sebanyak 66,856.

Sementara itu, bilangan program yang diiktiraf oleh MBOT melalui Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC) pada tahun 2022 adalah sebanyak 273 program yang menjadikan jumlah keseluruhan iaitu 974 program akademik.

MBOT juga meneruskan inisiatif untuk terlibat dengan pelbagai institusi, industri dan organisasi di sektor awam dan swasta, untuk meneroka kerjasama strategik dan menyebarkan maklumat ke semua peringkat.



Pada 7 Jun 2022, MBOT telah mengadakan program *MBOT Experts Network in Technology, Innovation and Cooperative Event* (ENTICE 2022) yang berlangsung di W Hotel, Kuala Lumpur. Ia merupakan penjenamaan semula program *Townhall* yang sebelum ini dijalankan sebagai usaha kolektif untuk menghimpunkan ahli-ahli profesional MBOT bersama pemegang taruh bagi memperkukuh keterlihatan profesion Teknologis dan Juruteknik di Malaysia.

Antara inisiatif yang dilancarkan sempena Program MBOT ENTICE 2022 ialah TechZone iaitu kerjasama strategik melibatkan MBOT dan universiti-universiti di setiap zon tempatan. Sebagai langkah strategik untuk terus inklusif, MBOT turut memperkenalkan penubuhan *Woman Technologist Chapter* (WTC) bagi menggalakkan penglibatan golongan wanita dalam bidang sains dan teknologi.

Pada majlis ini juga, sesi pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan antara MBOT dengan panel-panel Pakar Teknologi termasuk Petronas, Air Asia Academy, *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC), Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan *Association of Information Security Professionals* (AISP) dari Singapura. Memorandum ini merangkumi pelbagai aspek kerjasama termasuk pembangunan pengiktirafan profesionalisme dan inisiatif pembangunan kapasiti.

MBOT juga mengumumkan kerjasama dengan *Learned Society* dalam pelbagai bidang teknologi yang terdiri daripada persatuan-persatuan industri. Ini bagi memastikan MBOT senantiasa menerima input yang tepat dan terkini dalam

menjalankan fungsi-fungsinya. MBOT dan *Learned Society* juga akan merangka program-program pembangunan bakat yang ada dalam industri.

MBOT akan meneroka inisiatif antarabangsa yang lebih luas dan terus menyumbang dalam pembangunan dan pengiktirafan bakat tempatan kita. Pada tahun 2023, MBOT berharap dapat mengembangkan perkongsian antarabangsa dan mobiliti bakat yang berkesan.

MBOT berhasrat untuk menyediakan persekitaran yang kondusif dan kolaboratif kepada Teknologis dan Juruteknik dalam pelbagai bidang dan kepakaran. Lebih banyak program dan inisiatif akan dianjurkan untuk meningkatkan penglibatan dan penyertaan ahli-ahli MBOT kerana teknologi baru muncul akan menjadi lebih

lazim pada tahun 2023. Sehubungan itu, MBOT akan memainkan peranannya dalam memanfaatkan bakat atas permintaan terutamanya dari segi pengiktirafan dan kebolehpasaran.

Inisiatif ini akan dipergiat terutamanya penglibatan dengan Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui akreditasi program teknikal dan kemahiran di institusi-institusi di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kolej Vokasional dan Pusat Bertauliah di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Saya percaya dengan kerjasama dan komitmen semua warga MBOT dan pemegang taruh, usaha untuk memartabatkan profesion Teknologis dan Juruteknik akan terus melonjak.

Sekian, terima kasih.

“**Sebagai langkah strategik untuk terus inklusif, MBOT turut memperkenalkan penubuhan *Woman Technologist Chapter* (WTC) bagi menggalakkan penglibatan golongan wanita dalam bidang sains dan teknologi.**”



Laporan Tahunan 2022
Edisi Keenam



Sijil Audit Bersih
Tujuh Tahun Berturut-turut:
2016 - 2022



18,344
Pendaftaran Tahun 2022.
Keseluruhan Pendaftaran:
66,856



974
Akreditasi Program Akademik

Kunjungan hormat
YBhg. Prof. Datuk
Ts. Ir. Dr. Siti
Hamisah binti
Tapsir kepada YBhg.
Prof. Dato' Ts. Dr.
Zaliman bin Sauli,
Naib Canselor
Universiti Malaysia
Perlis (UniMAP)



YBhg. Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah binti
Tapsir ketika berucap di majlis *MBOT Red LIPS
Hi-Tea* yang merupakan program eksklusif
anjaran MBOT bersempena penubuhan *Woman
Technologists Chapter (WTC)*.



Kunjungan
hormat YBhg.
Prof. Datuk Ts. Ir.
Dr. Siti Hamisah
binti Tapsir
kepada YBhg.
Dato' Sri Amran
Mohamed
Zin, Ketua
Setiausaha
Kementerian
Luar Negeri.



YBhg. Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir menerima kunjungan
hormat dari Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC), Universiti Utara
Malaysia (UUM) yang diketuai oleh Dekan SOC UUM, YBrs. Prof. Madya Ts. Dr.
Azham Hussain.

Kunjungan hormat dari
pengurusan tertinggi
Infrastructure University
Kuala Lumpur (IUKL)
yang diketuai oleh YBhg.
Prof. Dato' Dr. Noor
Inayah binti Ya'akub,
Presiden IUKL dan Prof.
Ts. Ir. Dr. Tan Chee Fai,
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan) IUKL
kepada YBhg. Prof.
Datuk Ts. Ir. Dr. Siti
Hamisah binti Tapsir.



YBhg. Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir merakamkan gambar kenangan barisan sekretariat program MBOT Red LIPS Hi-Tea.




YBhg. Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir ketika menyampaikan ucapan alu-aluan bersempena program MBOT Experts Network in Technology, Innovation and Cooperative Event (ENTICE 2022) yang berlangsung di W Hotel, Kuala Lumpur.



YBhg. Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir bersama YBrs. Ts. Dr. Mahaletchumy Arujanan, Anggota Lembaga MBOT semasa program MBOT Experts Network in Technology, Innovation and Cooperative Event (ENTICE 2022).



Para peserta program MBOT Red LIPS Hi-Tea bergambar kenangan bersama YBhg. Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir.



Anggota Lembaga (2021-2022)



**YBhg. Prof. Datuk Ts. Ir. Dr.
Siti Hamisah binti Tapsir, FASc.**
Presiden
Lembaga Teknologis Malaysia



YBrs. Ts. Liew Choon Lian
Ketua Pegawai Eksekutif
MDT Innovations Sdn Bhd



**YBrs. Ts. Dr. Mohamad
bin Sulaiman**
Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan
Kemahiran
Kementerian Sumber
Manusia



**YBhg. Prof. Ts. Dr.
Mohamed Ibrahim bin
Abdul Mutalib**
Naib Canselor
Universiti Teknologi
PETRONAS (UTP)



**YBrs. Ts. Ir. Yam Teong
Sian**
Mantan Presiden
Persatuan Teknologi
Malaysia (TAM)



**YBrs. Tc. Kamarul Azman
bin Mohd Ikram**
Penolong Pegawai Latihan
Vokasional Kanan
Institut Latihan
Perindustrian Bukit Katil



**YBrs. Ts. Dr.
Mahaletchumy Arujanan**
Pengasas Global
International Service
for the Acquisition of
Agri-biotech Applications
(ISAAA)



**YBrs. Ts. Mahadhir
bin Aziz**
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Ekonomi Digital
Malaysia (MDEC)



**YBhg. Dato' Ts. Ir.
Abdul Razib bin Dawood**
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga



YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman bin Sauli
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis
(UniMAP)



**YBrs. Ts. Dr. Nagulendran
a/l Kangayatkarasu**
Timbalan Ketua Setiausaha
Perancangan &
Pembudayaan Sains,
Kementerian Sains,
Teknologi dan Inovasi
(MOSTI)



EX-OFFICIO

**YBrs. Dr. Md Fauzi
bin Md Ismail**
Pendaftar
Lembaga Teknologis
Malaysia

Senarai Mesyuarat Lembaga 2022

BIL.	SENARAI MESYUARAT	TARIKH	MASA
1.	Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 1 Tahun 2022	4 Januari 2022	2.30 petang
2.	Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 2 Tahun 2022	22 Februari 2022	2.30 petang
3.	Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 3 Tahun 2022	22 Mac 2022	2.30 petang
4.	Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 4 Tahun 2022	26 April 2022	2.00 petang
5.	Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 5 Tahun 2022	31 Mei 2022	2.30 petang
6.	Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 6 Tahun 2022	28 Jun 2022	2.30 petang
7.	Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 7 Tahun 2022	23 Ogos 2022	2.30 petang
8.	Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 8 Tahun 2022	28 Oktober 2022	3.00 petang
9.	Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 9 Tahun 2022	27 November 2022	2.30 petang

Senarai Jawatankuasa MBOT



Pengerusi
**YBrs. Ts. Ir. Yam
Teong Sian**

**Jawatankuasa
Peperiksaan dan
Kelayakan**



Pengerusi
**YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr.
Rosli bin Mohd Yunus**

**Majlis Akreditasi
Teknologi dan
Teknikal (TTAC)**



Pengerusi
**YBrs. Ts. Dr. Mohamad
bin Sulaiman**

**Jawatankuasa
Kualiti, Latihan
dan Pendidikan**



Pengerusi
**YBhg. Prof. Ts. Dr. Mohamed
Ibrahim bin Abdul Mutalib**


**Jawatankuasa
Penerbitan**





Pengerusi
**YBrs. Ts. Dr. Nagulendran
a/l Kangayatkarasu**

**Jawatankuasa
Pengurusan,
Kewangan dan Audit**

Carta Organisasi







Mengenai MBOT

MBOT ditubuhkan sebagai sebuah badan profesional untuk mendaftar dan mengiktiraf Teknologis Profesional (*Professional Technologist*) serta Juruteknik Bertauliah (*Certified Technician*) sebagai profesion ikhtisas seperti yang termaktub di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768). Ia adalah selaras dengan saranan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Pengiktirafan sebagai Teknologis dan Juruteknik merangkumi tenaga kerja yang memiliki kelayakan minimum Sijil Tahap 3 Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) bagi Juruteknik dan Ijazah Sarjana Muda bagi Teknologis. Penubuhan MBOT juga merupakan satu strategi untuk menjulang martabat dan memberi pengiktirafan kepada graduan TVET.

Dalam menyokong aspirasi negara untuk menghadapi Revolusi Perindustrian 4.0, MBOT juga berperanan memastikan kualiti profesion teknologis dan juruteknik selari dengan perkembangan dinamik industri semasa sekali gus memberi nilai tambah kepada bakat teknologi dan teknikal tempatan.

Fungsi Lembaga



Sumber: Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768)

Menjadi **Badan Profesional Bertaraf Dunia** bagi **Teknologis dan Juruteknik**

VISI

MISI

OBJEKTIF

Mengangkat **Martabat, Keterserlahan dan Pengiktirafan** terhadap Profesion Teknologis dan Juruteknik




Meningkatkan bilangan **Tenaga Kerja Berkemahiran** untuk Negara mencapai Ekonomi Berpendapatan Tinggi




Memelihara **Keselamatan dan Kesihatan Awam**

Garis Masa Penubuhan MBOT



Carta Alir Permohonan Teknologis Profesional (Ts.)



Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 | Peraturan-Peraturan Teknologis dan Juruteknik (Fi) 2017

Carta Alir Permohonan Juruteknik Bertauliah (Tc.)



Akta Teknologi dan Juruteknik 2015 | Peraturan-Peraturan Teknologi dan Juruteknik (Fi) 2017

Laluan Pengiktirafan Profesional MBOT: Teknologis dan Juruteknik

TEKNOLOGIS PROFESIONAL

Ts. / P.Tech



Teknologis Berijazah yang mempunyai pengalaman amali yang ditetapkan oleh Lembaga

Penilaian Profesional



TEKNOLOGIS BERIJAZAH

Syarat minimum:
Ijazah Sarjana Muda tahap 6 MQF yang diiktiraf oleh Lembaga

JURUTEKNIK BERTAULIAH

Tc. / C.Tech



Juruteknik Berkelayakan yang mempunyai pengalaman amali yang ditetapkan oleh Lembaga


Penilaian Profesional



JURUTEKNIK BERKELAYAKAN

Syarat minimum:
Sijil tahap 3 hingga tahap 5 MQF yang diiktiraf oleh Lembaga

24 Bidang-bidang Teknologi dan Teknikal yang Diiktiraf MBOT



EE

Teknologi Elektrik dan Elektronik
Electrical and Electronic Technology



IT

Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Information and Communication Technology



CM

Teknologi Kimia
Chemical Technology



TB

Teknologi Telekomunikasi dan Penyiaran
Telecommunication and Broadcasting Technology



BT

Bioteknologi
Biotechnology



BC

Teknologi Bangunan dan Binaan
Building and Construction Technology



RB

Teknologi Berasaskan Sumber, Ukur dan Geomatik
Resource-Based, Survey and Geomatics Technology



ME

Teknologi Pembuatan dan Industri
Manufacturing and Industrial Technology



AF

Teknologi Berasaskan Pertanian
Agro-Based Technology




CS

Teknologi Keselamatan Siber
Cyber Security Technology



TL

Teknologi Pengangkutan dan Logistik
Transportation and Logistics Technology



MT

Teknologi Sains Bahan
Material Science Technology



MR

Teknologi Marin
Marine Technology



MI

Teknologi Maritim
Maritime Technology



AC

Teknologi Sains Atmosfera dan Alam Sekitar
Atmospheric Science and Environmental Technology



GT

Teknologi Hijau
Green Technology



OG

Teknologi Minyak dan Gas
Oil and Gas Technology



AT

Teknologi Automotif
Automotive Technology



AV

Teknologi Aeroangkasa dan Penerbangan
Aerospace and Aviation Technology



FT

Teknologi Makanan
Food Technology



NT

Nanoteknologi
Nanotechnology



NR

Teknologi Nuklear dan Radiologi
Nuclear and Radiological Technology



AM

Teknologi Senireka dan Multimedia Kreatif
Art Design and Creative Multimedia Technology




HM

Teknologi Kesihatan dan Perubatan
Health and Medical Technology




Pembangunan Profesional

Pendaftaran pada Tahun 2022




Pendaftaran Keseluruhan Tahun 2017 hingga Tahun 2022



.Pembangunan Profesional >

Jumlah Pendaftaran Mengikut Kategori (2017 - 2022)



KATEGORI		2017	2018	2019	2020	2021	2022
Teknologis Berijazah	GT	1,232	6,261	10,655	17,732	29,285	39,006
Teknologis Profesional	Ts.	299	3,055	3,983	7,394	12,092	17,820
Juruteknik Berkelayakan	QT	385	1,119	2,039	3,107	5,869	7,903
Juruteknik Bertauliah	Tc.	21	129	269	704	1,266	2,127



Penilaian Profesional

Teknologis Berijazah dan Juruteknik Berkelayakan yang berdaftar layak untuk memohon menduduki penilaian profesional dengan syarat yang dibenarkan oleh Lembaga iaitu mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja dalam bidang teknologi dan teknikal.

Penilaian profesional yang berpandukan industri ini penting untuk memastikan Teknologis Profesional (Ts.) dan Juruteknik Bertauliah (Tc.) mempunyai kelayakan tertinggi yang akan memenuhi kehendak industri.

Modul Penilaian Profesional yang dirumuskan oleh Panel Pakar Teknologi merangkumi teknologi terkini di lapangan dan sentiasa dikemas kini seiring dengan perubahan semasa.

Penilaian profesional MBOT merangkumi beberapa aspek seperti kemahiran, pengetahuan khusus dan kemahiran insaniah yang dinilai oleh panel yang berpengalaman dalam kalangan ahli akademik dan pemain industri.

Statistik berkaitan Penilaian Profesional



509

Jumlah sesi penilaian profesional yang diadakan pada tahun 2022



6,378

Jumlah keseluruhan calon penilaian bagi Teknologis Profesional (Ts.)



906

Jumlah keseluruhan calon penilaian bagi Juruteknik Bertauliah (Tc.)



7,092

Jumlah calon penilaian profesional *in-house*



192

Jumlah calon penilaian profesional *outsourced*



295

Jumlah calon gagal



331

Jumlah calon *deferral*



6,658

Jumlah calon lulus



297

Jumlah keseluruhan panel penilai profesional



28

Panel penilai profesional baharu dilantik pada tahun 2022



Senarai Organisasi yang Menjalankan Penilaian Outsourced



Maklumat mengenai Kaedah Baharu

Beberapa siri bengkel dan libat urus telah dijalankan bagi membangunkan Kaedah Penilaian Profesional 3.0 bertujuan meningkatkan kualiti Penilaian Profesional MBOT. Lembaga telah meluluskan dokumen berkenaan pada November 2022 dan akan dilaksanakan secara berperingkat pada suku kedua dan sepenuhnya pada suku ketiga tahun 2023. Antara penambahbaikan yang dijalankan termasuklah pengemaskinian *MBOT Curriculum Vitae*, *Additional Review Assessment*, *Professional Competency Assessment (PCA)* dan Rubrik Penilaian Profesional.

MBOT CURRICULUM VITAE



PROFESSIONAL COMPETENCY ASSESSMENT (PCA)



RUBRIK PENILAIAN PROFESIONAL



Pembangunan Profesional Berterusan - CPD



*Edaran
No. 1/ 2022
(28 Januari 2022)
- Pemakluman
Penambahbaikan
Berdaftar Sebagai
*MBOT Approved
Training Provider
(ATP)*

Ref. No.: MBOT.600-3/8/1(2)
Tarikh: 28 Januari 2022



LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

EDARAN NO. 1/2022

PEMAKLUMAN PENAMBAHBAIKAN BERDAFTAR SEBAGAI MBOT APPROVED TRAINING PROVIDER (ATP)

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) sentiasa komited bagi memastikan profesionalisme Teknologis dan Juruteknik dapat dipertingkatkan. Oleh yang demikian, MBOT telah menambah baik beberapa keperluan berdaftar sebagai *MBOT Approved Training Provider (ATP)* seperti berikut:

- Penetapan Pelantikan Teknologis Profesional (Ts.) atau Juruteknik Bertauliah (Tc.) dalam *MBOT Approved Training Provider (ATP)*

Setiap MBOT ATP perlu mempunyai sekurang - kurangnya seorang (1) Teknologis Profesional (Ts.) atau Juruteknik Bertauliah (Tc.) yang berstatus sepenuh masa dalam sesebuah ATP, atau dua (2) orang Teknologis Profesional (Ts.) atau Juruteknik Bertauliah (Tc.) yang dilantik sebagai rakan bersekutu.

Setiap MBOT ATP perlu mengemukakan bukti pelantikan kepada MBOT selewat-lewatnya pada 30 Jun 2022.

- Yuran Tahunan Sebagai *MBOT Approved Training Provider (ATP)*

Semua *MBOT Approved Training Provider (ATP)* perlu membayar yuran tahunan sebanyak RM150 untuk setiap tempoh sah satu (1) tahun bermula pada tahun 2022.

Bukti bagi perkara (i) dan (ii) perlulah dilampirkan dalam borang permohonan untuk berdaftar sebagai *MBOT Approved Training Provider (ATP)* di pautan <https://bit.ly/MBOTATP>.

Dr. Md Fauzi Bin Md Ismail
Pendaftar
Lembaga Teknologis Malaysia

A1

Pembelajaran Formal dan Tidak Formal



A2

Kongres / Persidangan / Seminar / Simposium (Tempatan / Antarabangsa)



A3

Fellowships / Penempatan / Lawatan Pembelajaran (termasuk amali dan kursus kemahiran)

Jenis-jenis Aktiviti CPD MBOT



A5

Mesyuarat Berkaitan Teknologi dan Teknikal



A6

Pembentangan Kertas Teknikal Dalam Mesyuarat / Majlis Rasmi (Penyampai / Penceramah)

A7

Penerbitan Artikel Dalam Jurnal / Bab Dalam Buku / Laporan Teknikal

A8

Dilantik Sebagai Penilai MBOT

- Panel Penilaian Profesional
- Panel Penilai Akreditasi
- Lawatan akreditasi



B1

Sumbangan Untuk Pembangunan Aspek Teknologi dan Teknikal

B2

Platform Atas Talian Berkaitan dengan Teknikal dan Teknologi

B3

Bimbingan/Kejurulatihan/ Penjurian/ Perundingan Berkaitan Profesion



D1

Hands-on / Projek Khas & Aktiviti R&D Yang Berkaitan Dengan Teknikal dan Teknologi



D2

Program CSR dan Kerja Sukarela Berkaitan



D3

Kemahiran Insaniah yang Berkaitan dengan Kepimpinan dan Pengurusan, Kemahiran Interpersonal dan Kelakuan Profesional

Libat Urus Berkaitan Pendaftaran

MBOT terus mengorak langkah meningkatkan pendaftaran dengan mengadakan pelbagai inisiatif, antaranya kunjungan hormat, pemeteraian MoU dan penyebaran maklumat di semua peringkat. Misalnya pada 11 Ogos, MBOT telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Brigedier Jeneral Zahar bin Ariffin, Pengarah Kanan Operasi Strategik dan Pembangunan, Bahagian Siber dan Elektromagnetik, Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Libat urus bersama Puspakom Sdn Bhd pada 18 Julai telah membuka ruang kepada proses penilaian kerja-kerja teknikal syarikat itu manakala pada 21 Ogos, MBOT telah mengunjungi Institut



Kunjungan hormat oleh YBrs. Dr. Md. Fauzi bin Md. Ismail, Pendaftar Lembaga Teknologis Malaysia kepada Brigedier Jeneral Zahar bin Ariffin, Pengarah Kanan Operasi Strategik dan Pembangunan, Bahagian Siber dan Elektromagnetik, Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Kemahiran MARA Johor Bahru untuk mewujudkan peluang kolaborasi. Pada 26 Ogos, kunjungan hormat ke Persatuan Teknologi Malaysia (TAM) telah membincangkan jalinan kerjasama strategik secara lanjut.

Pada 1 September, MBOT telah mengadakan perbincangan dengan Persekutuan Pekilang-

Pekilang Malaysia (FMM) bagi membina kerjasama dalam pengiktirafan profesional ke atas Juruteknik dan Teknologis dalam sektor perkilangan. MBOT turut mengadakan perbincangan dengan YBhg. Dato' Sri Azhar bin Abdul Manaf, Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA) pada 3 November.



YBrs. Dr. Md Fauzi Md Ismail, Pendaftar MBOT dan YBrs. Ts. Dr. Ahmad Zahiri Ismail, Ketua Operasi Puspakom Sdn. Bhd. pada sesi penyampaian cenderamata sempena kunjungan hormat MBOT ke Puspakom.



Kunjungan hormat YBhg. Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Presiden MBOT kepada YBr. Ts. Tung Chee Kuan, Presiden Persatuan Teknologi Malaysia (TAM) di Peninsula College The Ship Campus, Pulau Pinang.



Sesi kunjungan hormat delegasi MBOT yang diwakili oleh YBr. Dr. Md Fauzi Md Ismail, Pendaftar ke atas YBhg. Dato' Nathan K Suppiah, Naib Presiden, Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM).



Akreditasi


Jumlah Program Akreditasi yang Diluluskan Mengikut Kategori pada Tahun 2022




Jumlah Program Akreditasi yang Diluluskan Mengikut Tahap pada Tahun 2022

TAHAP AKREDITASI	AKREDITASI PENUH (FA)	AKREDITASI SEMENTARA (PA)	PENERUSAN	PELANJUTAN	KITARAN BAHARU	SEMAKAN KURIKULUM
Ijazah	31	13	1	0	0	1
Diploma	56	10	76	0	0	8
Diploma Lanjutan	0	0	1	0	0	0
Sijil	73	3	0	0	0	0
Jumlah	160	26	78	0	0	9
Jumlah Keseluruhan	273					

Jumlah Program yang Diluluskan Mengikut Tahun



Jumlah Program yang Diluluskan Mengikut Kategori



Senarai Ahli Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC)

BIL.	NAMA	JAWATAN DAN JABATAN
1.	YH. Prof. Dato' Ts. Dr. Rosli bin Mohd Yunus	Pengerusi TTAC Profesor Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
2.	YBhg. Prof. Emeritus Dato' Ts. Abang Abdullah bin Abang Ali	Pengerusi Malaysian Research & Education Foundation (MyREF)
3.	YBhg. Prof. Dr. Robiah binti Yunus	Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik dan Pembangunan) Jabatan Pendidikan Tinggi
4.	Encik Abdul Saman bin Taip	Pengarah Bahagian Akreditasi (Sains & Perubatan) Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
5.	YBhg. Dato Ts. Ir. Dr. Badhrulhisham bin Abdul Aziz	Felo Perunding Utama Pusat Kelestarian Ekosistem & Sumber Alam Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
6.	YBrs. Ts. Choo Kok Beng	Pengarah Pengurusan Vertitech (M) Sdn. Bhd.
7.	YBhg. Dato' Ts. (Dr) Abd Radzak bin Abd Malek	Mantan Presiden Antarabangsa Institut Logistik Bertauliah & Pengangkutan (CILT)
8.	YBhg. Datin Ts. Dr. Siti Hanom binti Marjuni	Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Infrastruktur, Perkhidmatan Kongsi dan Keselamatan ICT Unit Pemodenan Tadbiran & Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
9.	YBrs. Hajah Zanariah binti Haji Ahmad	Pengarah Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) Kementerian Pendidikan Malaysia

Takwim Mesyuarat Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC) MBOT

BIL.	SENARAI MESYUARAT	TARIKH	MASA
1.	Mesyuarat Majlis Akreditasi Teknologi & Teknikal (TTAC) Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 1 Tahun 2022	15 Februari 2022	9.00 pagi
2.	Mesyuarat Majlis Akreditasi Teknologi & Teknikal (TTAC) Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 2 Tahun 2022	21 April 2022	2.30 petang
3.	Mesyuarat Majlis Akreditasi Teknologi & Teknikal (TTAC) Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 3 Tahun 2022	26 Mei 2022	5.00 petang
4.	Mesyuarat Majlis Akreditasi Teknologi & Teknikal (TTAC) Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 4 Tahun 2022	22 Julai 2022	4.30 petang
5.	Mesyuarat Majlis Akreditasi Teknologi & Teknikal (TTAC) Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 5 Tahun 2022	2 September 2022	8.30 malam
6.	Mesyuarat Majlis Akreditasi Teknologi & Teknikal (TTAC) Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 6 Tahun 2022	3 November 2022	3.00 petang
7.	Mesyuarat Majlis Akreditasi Teknologi & Teknikal (TTAC) Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 7 Tahun 2022	29 Disember 2022	10.00 pagi

Bengkel Latihan Panel Penilai TTAC MBOT

ZON	TEMPAT	TARIKH	JUMLAH PESERTA HADIR
Zon Sabah	Kolej Vokasional Likas	3 - 4 September 2022	44
Zon Utara Sesi 1	Politeknik Seberang Perai	1 - 2 Oktober 2022	105
Zon Sarawak	Universiti Teknologi Sarawak	15 - 16 Oktober 2022	22
Zon Utara Sesi 2	Universiti Utara Malaysia	3 - 4 Disember 2022	64



Jumlah Panel Penilai Mengikut Bidang Teknologi dan Teknikal

1.	Teknologi Elektrik dan Elektronik <i>Electrical & Electronic Technology (EE)</i>	200
2.	Teknologi Sains Bahan <i>Material Science Technology (MT)</i>	66
3.	Teknologi Maklumat dan Komunikasi <i>Information and Communication Technology (IT)</i>	168
4.	Teknologi Marin <i>Marine Technology (MR)</i>	9
5.	Teknologi Kimia <i>Chemical Technology (CM)</i>	17
6.	Teknologi Hijau <i>Green Technology (GT)</i>	47
7.	Teknologi Telekomunikasi dan Penyiaran <i>Telecommunication and Broadcasting Technology (TB)</i>	19
8.	Teknologi Minyak dan Gas <i>Oil and Gas Technology (OG)</i>	13
9.	Bioteknologi <i>Biotechnology (BT)</i>	29
10.	Teknologi Automotif <i>Automotive Technology (AT)</i>	63
11.	Teknologi Bangunan dan Binaan <i>Building and Construction Technology (BC)</i>	131
12.	Teknologi Berasaskan Sumber, Ukur dan Geomatik <i>Resource-Based, Survey and Geomatics Technology (RB)</i>	5
13.	Teknologi Pembuatan dan Industri <i>Manufacturing and Industrial Technology (ME)</i>	192
14.	Teknologi Berasaskan Pertanian <i>Agro-Based Technology (AF)</i>	24
15.	Teknologi Pengangkutan dan Logistik <i>Transportation and Logistics Technology (TL)</i>	17
16.	Teknologi Makanan <i>Food Technology (FT)</i>	26
17.	Teknologi Aeroangkasa dan Penerbangan <i>Aerospace and Aviation Technology (AV)</i>	18
18.	Nanoteknologi <i>Nanotechnology (NT)</i>	14
19.	Teknologi Nuklear dan Radiologi <i>Nuclear and Radiological Technology (NR)</i>	5
20.	Teknologi Senireka dan Multimedia Kreatif <i>Art Design and Creative Multimedia Technology (AM)</i>	26
21.	Teknologi Keselamatan Siber <i>Cyber Security Technology (CS)</i>	26
22.	Teknologi Maritim <i>Maritime Technology (MI)</i>	6
23.	Teknologi Sains Atmosfera dan Alam Sekitar <i>Atmospheric Science and Environmental Technology (AC)</i>	20
24.	Teknologi Kesihatan dan Perubatan <i>Health and Medical Technology (HM)</i>	10

JUMLAH **1,151**

Libat Urus Bersama Kementerian, Pemberi Pendidikan Tinggi dan Agensi Berkaitan

BIL.	SENARAI MESYUARAT	TARIKH
1.	Mesyuarat bersama Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) berkaitan akreditasi program	12 Januari 2022
2.	Mesyuarat Berkenaan Isu Permohonan Akreditasi Penuh bagi dua (2) Program Sarjana Muda Teknologi dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	19 Januari 2022
3.	Perjumpaan bersama Open University Malaysia (OUM) berhubung proses akreditasi program	19 Januari 2022
4.	Mesyuarat bersama German Malaysian Institute (GMI) berkenaan proses akreditasi program	3 Februari 2022
5.	Mesyuarat Penyelarasan bersama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) berkenaan proses Akreditasi Sementara, fi program sijil Tahap 3, proses peralihan dan manual/standard bidang teknologi penilaian di bawah MBOT	11 Februari 2022
6.	Mesyuarat Perbincangan Kerjasama Strategik bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	23 Februari 2022
7.	Kunjungan Hormat Universiti Utara Malaysia (UUM) ke MBOT	24 Februari 2022
8.	Sesi Perbincangan bersama MQA berkaitan cadangan pelarasan TTAC Manual dan COPTPA bagi tujuan akreditasi program TVET	4 Mac 2022
9.	Mesyuarat bersama Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) berkaitan akreditasi program	31 Mac 2022
10.	Kunjungan Hormat Presiden MBOT kepada Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	1 April 2022
11.	Sesi Perbincangan bersama MQA mengenai program bidang Pengkomputeran	7 April 2022
12.	Mesyuarat Akreditasi bersama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)	12 April 2022
13.	Kunjungan Hormat Presiden MBOT kepada Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	14 April 2022
14.	Bengkel Pemurniaan TTAC Manual Bahagian 2	20 April 2022
15.	Mesyuarat bersama MQA berkaitan <i>Occupational/Industry Standards and Practices</i> (OISP)	21 April 2022
16.	Bengkel <i>Expected Competency Bidang Biotechnology (BT), Cyber Security Technology (CS), Oil & Gas Technology (OG), Information and Computing Technology (IT) dan Material Science Technology (MT)</i>	25 April 2022
17.	Sesi Libat Urus Presiden MBOT kepada Pengarah Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (BPLTV) dan Kolej Vokasional	28 April 2022
18.	Kunjungan hormat Pendaftar MBOT kepada Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)	11 Mei 2022
19.	Kunjungan hormat Pendaftar MBOT kepada Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	11 Mei 2022

BIL.	SENARAI MESYUARAT	TARIKH
20.	Bengkel <i>Expected Competency Bidang Marine Technology (MR) dan Maritime Technology (MI)</i>	24 Mei 2022
21.	Mesyuarat Penyelarasan Program Teknologi Kejuruteraan antara MQA dengan MBOT dan Lembaga Jurutera Malaysia	27 Mei 2022
22.	Mesyuarat bersemuka bersama pihak Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT) berkaitan akreditasi program	30 Mei 2022
23.	Perbincangan bersama Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) berhubung proses akreditasi program	1 Jun 2022
24.	Perbincangan bersama SEGI College berhubung proses akreditasi program	2 Jun 2022
25.	Mesyuarat bersama pihak Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) berhubung proses akreditasi program	3 Jun 2022
26.	Bengkel Pemakluman <i>TTAC Standard Second Edition</i>	7 Jun 2022
27.	Mesyuarat bersama Universiti Malaysia Pahang (UMP) berhubung proses akreditasi sementara	9 Jun 2022
28.	Mesyuarat bersama MAHSA University berhubung proses akreditasi program	14 Jun 2022
29.	Mesyuarat antara Pengerusi bersama Jawatankuasa Kerja Akreditasi MBOT-JPK	20 Jun 2022
30.	Mesyuarat Penyetaraan TTAC Standard dan COPTPA Second Edition bersama MQA	23 Jun 2022
31.	Kunjungan Hormat Pengurusan Tertinggi Infrastructure University Kuala Lumpur kepada Presiden MBOT	1 Julai 2022
32.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Naib Canselor INTI International University	4 Julai 2022
33.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Naib Canselor Sunway University	15 Julai 2022
34.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Naib Canselor Taylor's University	1 Ogos 2022
35.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP)	4 Ogos 2022
36.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT ke SEGi University	22 Ogos 2022
37.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT ke HELP University	8 September 2022
38.	Kunjungan Fakulti Informatik dan Komputeran, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Besut ke MBOT	13 September 2022
39.	Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) bil. 4/2022	19 September 2022
40.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Naib Canselor Management & Science University (MSU)	19 September 2022
41.	Mesyuarat Penyelarasan Kerja Selepas Pemetaraan Memorandum Persefahaman antara MBOT dan USM secara atas talian	23 September 2022
42.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT Ke Management & Science University	23 September 2022
43.	Mesyuarat bersama BPLTV	26 September 2022

BIL.	SENARAI MESYUARAT	TARIKH
44.	Jemputan sebagai Penceramah bagi <i>MBOT Professional Talk</i> - Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan (FSTP) di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	28 September 2022
45.	Jemputan Menghadiri Mesyuarat Penyediaan Dokumen Seoul Accord	20 Oktober 2022
46.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT Ke Universiti Selangor (UNISEL)	25 Oktober 2022
47.	Kunjungan Hormat Pendaftar ke Majlis Amanah Rakyat (MARA)	3 November 2022
48.	Bengkel Jawatankuasa Kerja Seoul Accord	11-13 November 2022
49.	Mesyuarat kerjasama strategik antara MBOT dan HELP University	16 November 2022
50.	Mesyuarat bersama Akademi Laut Malaysia (ALAM) bagi program <i>Advanced Diploma in Nautical Studies</i>	17 November 2022
51.	Mesyuarat Penyelarasan Program Teknologi Kejuruteraan antara MQA dan Jabatan Pendidikan Tinggi dengan MBOT dan Lembaga Jurutera Malaysia	27 Disember 2022



Libat Urus berkaitan Akreditasi



YBhg. Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Presiden MBOT mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg. Prof. Dr. Shahimi Mohtar, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Pengantarabangsaan), Universiti Utara Malaysia (UUM).



YBhg. Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Presiden MBOT telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg. Prof. Ts. Dr. Massila Kamaludin, Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di Pejabat Naib Canselor UTeM, Melaka.



MBOT dan Universiti Sains Malaysia (USM) melalui Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi (PPKT) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk meneruskan kerjasama strategik pembangunan sains dan teknologi.



YBhg. Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Presiden MBOT mengadakan kunjungan hormat ke atas YBrs. Ts. Zainab Ahmad, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

YBhg. Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Presiden MBOT dan YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Kadim Suaidi, Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menunjukkan Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah dipersetujui antara MBOT dan UNIMAS.





Pemakluman/ Pengumuman Berkaitan

1. Pemakluman Mensyaratkan Pelantikan Penasihat Industri dan Penasihat Luar dalam kalangan Teknologis Profesional (Ts.) dan Juruteknik Bertauliah (Tc.) bagi Program Pengajian yang Diakreditasi oleh Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC) MBOT

Pelantikan Penasihat Industri dan Penasihat Luar bagi program pengajian yang diakreditasi oleh TTAC MBOT adalah disyaratkan dalam kalangan Teknologis Profesional (Ts.) dan Juruteknik Bertauliah (Tc.) bermula 1 Januari 2024. Selaras dengan ketetapan ini, program yang diakreditasi oleh TTAC MBOT ketika ini adalah disarankan untuk melantik Penasihat Industri dan Penasihat Luar dalam kalangan Ts. dan Tc. sebagai persediaan awal kepada ketetapan ini.

2. Pemakluman Ketetapan Penilaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Objektif Pendidikan Program (PEO) Untuk Permohonan Penilaian Akreditasi Program Pengajian Akreditasi Penuh (Kitaran Baharu) di Bawah Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC) MBOT

Dalam usaha untuk memperkemas amalan penambahbaikan kualiti secara berterusan (CQI) dan memastikan kualiti graduan yang dihasilkan daripada program pengajian yang dikawal selia oleh TTAC MBOT, Mesyuarat TTAC MBOT Kali ke-25 Bil.6/2021 bertarikh 15 Disember 2021 telah bersetuju untuk semua program pengajian yang akan memohon penilaian Akreditasi Penuh (Kitaran Baharu) untuk membuat penilaian sendiri tahap pencapaian ketetapan KPI bagi setiap PEO program pengajian tersebut.

3. Penilaian Akreditasi Tahap 6,5,4 dan 3 *Malaysian Qualification Framework (MQF)* bagi Program Teknologi dan Teknikal oleh Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC) MBOT

TTAC MBOT mempelawa Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta untuk menjalankan Penilaian Akreditasi Sementara dan Penuh bagi program di atas. Melalui penilaian ini dapat menjamin kualiti program seiring dengan hasrat Kerajaan untuk melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi bagi meningkatkan tenaga kerja mahir negara. Penilaian ini juga turut mendapat sokongan berterusan daripada pengubal dasar dan pemain industri.

4. Penggunaan *Self Review Report* Bagi Penilaian *Extending (SRR-03)* dan *Continuing (SRR-04)* Akreditasi Penuh Terkini

Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC) MBOT telah menambahbaik dan mengemaskini *Self Review Report* bagi penilaian *Extending* Akreditasi Penuh (SRR03) dan *Continuing* Akreditasi penuh (SRR04) berkuatkuasa bermula 1 Jun 2022. Untuk memastikan pematuhan terhadap penambahbaikan kualiti yang berterusan untuk pemberian tempoh akreditasi penuh, Pemberi Pendidikan boleh mengemukakan permohonan dengan menguna pakai *Self Review Report* (SRR03) dan (SRR04) terkini beserta dokumen sokongan **sebelum 6 bulan tamat tempoh** akreditasi.

5. Pelawaan Penilaian Akreditasi bagi Bidang Teknologi Maklumat dan Pengkomputeran (ICT)

MBOT merupakan penandatanganan sementara Seoul Accord mewakili Malaysia yang merupakan perjanjian pengiktirafan bersama antarabangsa untuk program Teknologi Maklumat dan Pengkomputeran (ICT) di negara-negara penandatanganan. Mengikut perancangan, MBOT akan menjadi penandatanganan penuh Seoul Accord pada tahun 2023. Selain itu, para graduan bagi program yang mendapat akreditasi melalui TTAC MBOT, para graduan boleh berdaftar secara automatik sebagai Teknologis Berijazah (GT) dan Juruteknik Berkelayakan (QT). MBOT menjemput Pemberi Pendidikan Tinggi untuk mendapatkan akreditasi bagi program-program yang berkaitan Teknologi Maklumat dan Pengkomputeran daripada TTAC MBOT.



Ketetapan Amalan

Cadangan Penambahbaikan Penerimaan Graduan TVET ke Sektor Awam

27 Oktober 2022

Perbincangan Awal

Perbincangan mengenai usaha-usaha bagi mengangkat martabat TVET. Perbincangan ini melibatkan wakil daripada MTUN dan juga sekretariat MBOT.

01

28 Oktober 2022

Pelantikan Jawatankuasa bagi Kertas Kerja

Setiap wakil daripada MTUN tersebut dilantik menjadi ahli Jawatankuasa bagi penyediaan kertas kerja tersebut.

02

2 Disember 2022

Libat Urus Bersama Ketua Perkhidmatan / Jabatan Teknikal

Libat urus pertama bagi membincangkan isu penerimaan graduan TVET dalam sektor awam. Perbincangan ini melibatkan wakil-wakil daripada ketua perkhidmatan dan diadakan di MBOT. Wakil-wakil MTUN, TLDM, Jabatan Laut, MOSTI, JPA (Bahagian Perjawatan dan Organisasi), JPK, Jabatan Meterologi, Jabatan Alam Sekitar dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

03

04

19 Disember 2022

Perbincangan Bersama JPA (Bahagian Perjawatan dan Organisasi)

Perbincangan ini berkisarkan isu yang dibincangkan bersama Ketua Perkhidmatan dan diwakili Bahagian Penyelidikan MBOT bersama Pendaftar.



Pengantarabangsa

Libat Urus


Kerjasama strategik di peringkat global turut dipertingkatkan bagi memperkasakan hala tuju MBOT. Pada 24 Ogos 2022, *Institution of Occupational Safety and Health (IOSH) United Kingdom (UK)* telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden MBOT susulan sesi libat urus yang telah diadakan untuk menerokai ruang kerjasama daripada segi kolaborasi kursus dan program.



YBhg. Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Presiden MBOT menerima kunjungan hormat YBrs. Encik Alan Stevens dan YBrs. Encik Marcel Le Roux dari *Institution of Occupational Safety and Health (IOSH) United Kingdom*.



.Pengantarabangsaan >



Penyertaan MBOT dalam Seoul Accord

MBOT telah meneruskan komitmen untuk menjadi Penandatanganan Penuh Seoul Accord dengan menghadiri *International Engineering Alliance Workshops 2022* yang diadakan di Ireland pada 2 hingga 7 Oktober. MBOT turut sertai 2022 Seoul Accord Mid-term Meeting pada 27 Jun 2022 serta *Seoul Accord Workshop Meeting* pada 5 Oktober.

Semasa kunjungan tersebut, MBOT telah bertemu dengan wakil *Australian Computer Society (ACS)* untuk mendapatkan

persetujuan sebagai mentor kepada MBOT bagi mendapatkan status Penandatanganan Penuh Seoul Accord. Tindakan ini diambil bagi memastikan MBOT mempunyai panduan untuk memenuhi semua keperluan dan kriteria yang ditetapkan oleh Seoul Accord.

Selain itu, sebuah pasukan petugas khas ditubuhkan bagi menambah baik proses akreditasi program pengkomputeran dan teknologi maklumat serta memenuhi keperluan yang ditetapkan.



MBOT telah melantik *Australian Computer Society (ACS)*, Australia sebagai mentor yang akan membantu MBOT menjadi penandatanganan penuh Seoul Accord.





SEOUL ACCORD

Status Semasa MBOT Sebagai Penandatanganan Seoul Accord

Dalam persediaan MBOT untuk memenuhi keperluan tersebut, MBOT telah menubuhkan satu Jawatankuasa khusus yang terdiri daripada wakil-wakil universiti awam dan swasta untuk membantu khususnya dalam aspek teknikal.

Pengiktirafan di peringkat global ini akan memberikan impak positif kepada jaminan kualiti program-program berkaitan teknologi maklumat dan pengkomputeran yang diakreditasi oleh MBOT.

Ia juga dapat meningkatkan kebolehpasaran dan penerimaan industri terhadap graduan-graduan yang dihasilkan melalui program-program tersebut.

MBOT merupakan penandatanganan sementara Seoul Accord iaitu perjanjian pengiktirafan pelbagai hala bagi bidang teknologi maklumat dan pengkomputeran sejak tahun 2019. MBOT menasarkankan untuk menjadi penandatanganan penuh Seoul Accord pada tahun 2023.

Dokumen akreditasi MBOT sedang disemak oleh *Australian Computer Society (ACS)*. Sekiranya pihak ACS berpuas hati, mereka akan mengesyorkan kepada pihak sekretariat Seoul Accord supaya menjalankan penilaian terhadap proses akreditasi program profesional yang dijalankan oleh MBOT.



MBOT telah diwakili oleh Pendaftarnya, YBrs. Dr. Md Fauzi Md Ismail pada sesi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) South-East Asia Cybersecurity Consortium (SEA CC) Partnership.

AiSP
Advance Connect Excel

APTiKNAS
Asosiasi Pengusaha TIK Nasional
Indonesian ICT Business Association

ISAC-CAMBODIA
CYBERSECURITY SHARING PLATFORM

ITPSS

MBOT
LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA
MALAYSIA BUREAU OF TECHNOLOGISTS

MISA
MYANMAR
INFORMATION
SECURITY
ASSOCIATION

TISA
Thailand Information Security Association
Asosiasi Ahli dan Praktisi Keamanan Siber

VNiSA
VIETNAM INFORMATION SECURITY ASSOCIATION

Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) South-East Asia Cybersecurity Consortium (SEA CC) Partnership

Pada 23 November 2022, MBOT telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) *South-East Asia Cybersecurity Consortium (SEA CC) Partnership* bagi memperkukuh kerjasama serantau dalam bidang keselamatan siber.

MBOT telah diwakili oleh Pendaftarnya, YBrs. Dr. Md Fauzi Md Ismail manakala negara-negara Asia Tenggara yang lain diwakili oleh YBrs. Mohamad Azad Zaki Haji Mohd Tahir (*Information Technology Protective Security Services - ITPSS*), YBrs. Encik Johnny Kho (*Association of Information Security Professionals - AiSP*), YBrs. Encik OU Phannarith (*ISAC-Cambodia - Infosec*), YBrs. Encik Fanky Christian (*Association of National Information and Communication Technology Entrepreneurs - APTiKNAS*), YBrs. Encik Ye Thura Thet (*Myanmar Information Security Association - MiSA*), *Association of Information Security Professionals - AiSP*), YBrs. Encik Prinya Hom-anek (*Thailand Information Security Association - TISA*) dan YBrs. Encik Khong Huy Hung mewakili *Vietnam Information Security Association (VNISA)*.

Pemeteraian kerjasama ini yang berlangsung di Singapura telah disaksikan oleh YBrs. Cik Josephine Teo, Menteri Komunikasi dan Penerangan Singapura, dan Menteri Bertanggungjawab bagi Negara Pintar dan

Keselamatan Siber melibatkan negara-negara Asia Tenggara, iaitu Brunei, Singapura, Kemboja, Indonesia, Myanmar, Thailand dan Vietnam.

MOU ini dimeterai bagi mewujudkan asas rasmi bagi kerjasama dan kolaborasi bakat-bakat dalam bidang keselamatan siber negara-negara Asia Tenggara untuk mengambil bahagian dan mendapat manfaat daripada inisiatif masing-masing.

Seterusnya inisiatif-inisiatif seperti ini mewujudkan ekosistem maklumat dan keselamatan siber antarabangsa yang bertenaga dan dinamik. Antara bidang kerjasama yang telah dipersetujui melalui MoU ini adalah latihan dan perkongsian maklumat, termasuk pembangunan profesional ahli, penyelidikan, kolaborasi, aktiviti berkaitan belia dan komuniti serta forum keselamatan siber.

Dengan pemeteraian ini, bakat-bakat dalam bidang keselamatan siber termasuk di Malaysia berpeluang untuk memperluas jaringan dan peluang mobiliti bakat profesional bersama negara-negara Asia Tenggara yang lain. Kerjasama ini juga dijangka akan memberi nilai tambah yang dapat dimanfaatkan oleh tenaga kerja tempatan dari segi ilmu pengetahuan dan kemahiran terutama dalam bidang keselamatan siber.




Inisiatif

Woman Technologist Chapter (WTC)

Sebagai tanda mengiktiraf teknologis wanita, *Woman Technologist Chapter (WTC)* telah ditubuhkan. Antara objektif penubuhan WTC ialah menyokong pembangunan bakat yang berkualiti, menggalakkan penglibatan wanita dalam kepimpinan dan menjadi satu platform perkongsian pengetahuan dan kemahiran.

MBOT melantik barisan peneraju untuk merealisasikan inisiatif-inisiatif WTC secara proaktif, termasuklah Jelajah Jerayawara Teknologis Wanita; *Women in Tech Mentor Mentee Program* dan libat urus dengan pemegang taruh. YBrs. Ts. Sharifah Zaida Nurlisha Syed Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif MMC Oil and Gas Engineering Sdn Bhd yang juga mantan Anggota Lembaga MBOT telah dilantik sebagai Pengerusi WTC.

Pada 1 November, Sesi Webinar *Ladies in Cyber* Anjuran *Association of Information Security Professionals (AiSP)* Singapore dan MBOT. YBhg. Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Presiden MBOT; YBrs. Cik Sherin Y Lee, Naib Presiden AiSP merangkap Pengasas



YBhg. Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Presiden MBOT; YBrs. Cik Sherin Y Lee, Naib Presiden AiSP merangkap Pengasas *AiSP Ladies in Cyber Charter* dan YBrs. Cik Raja Azrina, Ketua Pegawai Keselamatan Maklumat Telekom Malaysia sebagai ahli panel forum *AiSP x MBOT Ladies Cyber Webinar* berkongsi pandangan mengenai Kepentingan Pilihan Keselamatan Siber dan Kerjaya Dalam Industri.

AiSP Ladies in Cyber Charter dan YBrs. Cik Raja Azrina, Ketua Pegawai Keselamatan Maklumat Telekom Malaysia sebagai ahli panel forum *AiSP x MBOT Ladies Cyber Webinar* berkongsi pandangan mengenai Kepentingan Pilihan Keselamatan Siber dan Kerjaya Dalam Industri.

Selain itu, MBOT telah menganjurkan sesi *MBOT Red LIPS Hi-Tea* yang diadakan pada 4 November yang mengumpulkan barisan teknologis wanita selain mewujudkan jaringan dalam kalangan profesional wanita dalam bidang teknologi

dan teknikal. Program yang berlangsung di Boathouse, Ampang ini menentangakan figura-figura wanita profesional yang terkemuka sebagai panelis forum bagi membincangkan isu-isu semasa yang dihadapi oleh profesional wanita. Panelis yang hadir pada forum tersebut ialah YBrs. Puan Aireen Omar, Presiden Air Asia Digital; YBrs. Ts. Dr. Mahaletchumy Arujanan, Pengasas *Global International Service for the Acquisition of Agribiotechnology Applications (ISAAA)* dan YBrs. Ts. Norhasita binti Mohd Yusof, Pengurus Besar Telekom Malaysia.



Program *MBOT Red LIPS Hi-Tea* yang berlangsung di Boathouse Ampang telah mengumpulkan barisan wanita dalam profesion teknologi dan teknikal.


Skill Talent Enhancement Program for Fourth Industrial Revolution (STEP4IR)

STEP4IR merupakan inisiatif kerajaan melalui Majlis Pekerjaan Negara (MPN) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia pasca pandemik Covid-19.

Program ini melibatkan kerjasama antara MBOT dan rakan strategik dalam kalangan pemain industri berkaitan untuk mengadakan program *reskill/upskill* selama tiga bulan dan seterusnya memberi penempatan pekerjaan dalam bidang *Deeptech and Future Skills*.

Bilangan peserta yang menyertai program ini adalah 87 orang dalam lima bidang teknologi iaitu *Intergrated Circuit Design, Computer Science, Big Data, Advanced Material dan Data Science*.

UPSKILLING FOR DEEPTECH AND FUTURESKILLS PROGRAM




.Inisiatif >

Learned Society

Penubuhan *MBOT Learned Society* adalah bertujuan membantu MBOT dalam membangunkan profesionalisme teknologis dan juruteknik MBOT.

Ia akan menjadi platform untuk mengumpulkan profesional berasaskan teknologi dan teknikal untuk menyokong aktiviti MBOT dan persatuan industri untuk pembangunan kecekapan profesional.



TechZone

TechZone merupakan antara inisiatif yang dilancarkan pada Program MBOT ENTICE 2022. TechZone adalah satu platform untuk menggalakkan perkongsian kepakaran dan pengetahuan berkaitan teknologi serta menghubungkan ahli-ahli profesional MBOT di bawah satu rangkaian strategik. Sebanyak enam (6) Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah terpilih untuk mewakili 5 zon iaitu Zon Lembah Klang, Zon Pantai Timur, Zon Selatan, Zon Utara dan Zon Borneo. Enam (6) IPT yang



mewakili zon tersebut termasuklah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPASA), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).





BIL.	TOPIK	PENCERAMAH	TARIKH
1.	The Future of BIG Data: Towards Digitainability	Prof. Madya Dr. Ilham Sentosa	20.01.2022
2.	Building The Telco of The Future	Ts. Wan Zurainah binti Wan Mohamad	27.01.2022
3.	MRT Platform Screen Doors (PSD) and Automatic Platform Gates (APG)	Ts. Jack Tan Ka Hoe	17.02.2022
4.	Nanotechnology - An Overview	Ts. ChM Dr Khalisanni Khalid	24.02.2022
5.	Virtual Safety Testing for Autonomous Vehicle in Malaysia	Ts. Dr. Vimal Rau Aparow	10.03.2022
6.	House Defect Inspection	Ts. Norhidayah binti Mohamed	17.03.2022
7.	Academia, Industry, Government Agencies: Towards Medical Technology Collaboration	Prof. Madya Ts. Dr. Nashrul Fazli bin Mohd Nasir	22.03.2022
8.	Self Propelling ILLI - Inspection Solution for Vent Line & Low Flow Pipeline	Ts. Mohamed Ali bin Abdullah	14.04.2022
9.	AI for Drone Technology	Dr. Afrizanfaizal Abdullah	21.04.2022
10.	Digital Technology for Productivity	Dr. Mohamad Norjayadi Tamam	12.05.2022
11.	Technologies in Healthcare Facilities Electrical System	Ts. Norsuriana Fatiha binti Hussin	19.05.2022
12.	Cyber Security Awareness	Komander Ts. Khairul Mizam bin Yusof	26.05.2022
13.	Unlocking The Power of Big Data to Future Proof Your Organization	En. Mohd Nezir bin Eddy Yusrizal	07.06.2022
14.	Tc. Untuk Apa?	Tc. Kamarul Azman bin Mohd Ikram	07.06.2022
15.	The Future Fuels	Ts. Dr. Saravanan Venkadasalam	16.06.2022
16.	Identity Governance Administration in Cybersecurity Access Management Lifecycle	Ts. Jaiz Anuar Yeop Johari	23.06.2022
17.	Opportunity in Science and Technology	Dato' Ts. V. Valluvan Veloo	30.06.2022
18.	TVET - Realities and What Matters Most	Ts. Tung Chee Kuan	14.06.2022
19.	Introduction to Solar Cells	Ts. Dr. Mohd Zamir Pakhuruddin	21.06.2022
20.	Leveraging Your Professional Skills for Higher Education through APEL (A)	Dr. Nor Fazilah binti Mohd Hashim	28.06.2022
21.	Carbon Materials Derived from Waste Materials and their Applications	Ts. Ir. Dr. Melvin Gan Jet Hong	18.08.2022
22.	From Climate into Action: Towards Net Zero Carbon Country	Asst. Prof. Dr. Irina Safitri Zen	15.09.2022
23.	Pharmaceutical Manufacturing Technology	Ts. Mohd Shahrizan bin Ahmad Fuat	29.09.2022
24.	Demystifying Bioinformatics	Dr. Wai Keat Yam	13.10.2022
25.	Journey to Ts. & Tc. - Procedure to be Registered and Recognized by Act 768	Ts. Abdul Hafiz Mohamad Nor	14.10.2022
26.	An Overview of Radiological Environmental Monitoring	Ts. Muhammad Amirul bin Md Noor	27.10.2022
27.	Importance of Cybersecurity and Career Options in The Industry	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Raja Azrina • Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir 	01.11.2022
28.	Potential Palm Oil Palm Effluent (POME) Sludge Waste in Agriculture Crops	En. Mohd Nizar	10.11.2022
29.	Future of Graphic Design in IR4.0	Ts. Mohd Izzuddin Ismail	17.11.2022
30.	SW 101 - Basic Scheduled Wastes Management	En. Khairul Anuar Jusoh	24.11.2022
31.	Introduction to Drone Technology in Topographic Mapping Application	Ts. Sr. Nurul Farhah binti Abdul Hamid	08.12.2022
32.	Sustainability in Data Centers	Ts. Ir. Maxx Wong Meng Fai	15.12.2022

ENTICE

3i - Innovate, Inspire, Inculcate



MBOT EXPERTS NETWORK IN TECHNOLOGY, INNOVATION AND COOPERATIVE EVENT



ENTICE 2022

(MBOT Experts Network in Technology, Innovation and Cooperative Event)



312
peserta



1004
peserta
virtual



10
pempamer

MBOT ENTICE 2022 (*Experts Network in Technology, Innovation and Cooperative Event*) yang bertemakan *Elevate the Standing, Visibility and Recognition of Technologists and Technicians* adalah penjenamaan semula program Townhall yang dijalankan untuk menghimpunkan ahli-ahli profesional MBOT bersama pemegang taruh.

Program yang berlangsung di W Hotel, Kuala Lumpur ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Amzad bin Hashim, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. Sesi pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) turut diadakan antara MBOT dengan panel-panel Pakar Teknologi iaitu Petronas, Air Asia Academy, Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC), Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan Association of Information Security Professionals (AISP) dari Singapura. Memorandum ini merangkumi pelbagai aspek kerjasama termasuk pembangunan pengiktirafan profesionalisme dan inisiatif pembangunan kapasiti.

Penyampaian hadiah bagi pemenang *MBOT Technology and Technical Expo 2021 (MTeX'21)* telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Amzad bin Hashim, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Bengkel Permakluman *TTAC Manual Second Edition* turut diadakan pada ENTICE 2022 dan telah dihadiri oleh 53 orang peserta dalam kalangan ahli akademik dari institut kemahiran, universiti awam dan swasta. Bengkel ini ialah satu sesi taklimat kepada Pusat Pengajian Tinggi mengenai *Technology dan Technical Accreditation Standards* edisi terkini bagi permohonan akreditasi di bawah TTAC MBOT.

Bengkel Penambahbaikan Kaedah Penilaian Profesional 3.0 telah dihadiri seramai 28 orang panel penilai. Secara keseluruhannya, seramai 312 orang peserta telah menghadiri program ENTICE yang terdiri daripada ahli akademik, pemain industri dan agensi Kerajaan.

Majlis Pertukaran MoU antara MBOT dan Panel Pakar Teknologi

Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) akan menyaksikan lantikan rakan strategik sebagai Panel Pakar Teknologi (TEP). TEP bertindak sebagai penasihat MBOT untuk menyelia Bidang Teknologi dan Teknikal yang diiktiraf oleh MBOT serta membantu MBOT dalam menjalankan fungsinya termasuk Akreditasi Akademik, Penilaian Profesional, Ketetapan Amalan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat.



Penyampaian Hadiah Program MTeX'21

MBOT Technology and Technical Expo 2021 (MTeX'21) adalah satu program kerjasama antara MBOT, kementerian, agensi Kerajaan, institusi serta industri dalam usaha untuk memupuk budaya inovasi selain menerapkan pengetahuan serta pengalaman dalam pengkomersialan teknologi dalam kalangan pelajar institusi dan pemain industri. Program ini adalah bertepatan dengan hasrat kementerian bagi membudayakan sains dan teknologi dalam kalangan masyarakat. Program ini berlangsung selama 6 bulan bermula Januari 2022 sehingga Jun 2022.

MTeX'21 telah disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Adham bin Baba pada bulan November 2021. Program bersifat kompetitif ini mendapat

sambutan yang menggalakkan di mana lebih dari 200 penyertaan telah diterima. Penyertaan ini dipecahkan kepada tiga kategori iaitu kategori A (ahli profesional MBOT), Kategori B (pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda) dan Kategori C (pelajar Diploma).

Juri-juri bagi program ini telah dilantik daripada agensi Kerajaan, institusi serta industri bagi mengadakan projek-projek inovasi peserta. Sebanyak tiga projek bagi setiap kategori telah dipilih sebagai projek terbaik dan satu projek dalam kalangan tiga terbaik telah diangkat sebagai pemenang. Penyampaian hadiah bagi pemenang telah dijalankan bersempena MBOT ENTICE 22 dan disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Amzad bin Hashim, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.



Bengkel Penambahbaikan Kaedah Penilaian Profesional 3.0

Sesi pemurnian dan pembangunan Kaedah Penilaian Profesional 3.0 bagi menjamin kualiti penilaian profesional MBOT di tahap terbaik serta taklimat mengenai peranan dan kod etika Panel Penilai Profesional MBOT.

Bengkel Pemakluman *Technology and Technical Accreditation Standard 2nd Edition* (Sektor Akademik)

Sesi taklimat kepada Pemberi Pendidikan Tinggi berkaitan *Technology and Technical Accreditation Standard 2nd Edition* (Sektor Akademik) bagi permohonan akreditasi di bawah Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC) MBOT.



Senarai Pemenang MTeX'21



KATEGORI A (AHLI PROFESIONAL MBOT)

PESERTA	NAMA PROJEK	KEDUDUKAN
<ul style="list-style-type: none"> Ts. Ir. Dr. Muhammad Syukri Imran Abdullah James Bong Hin Lee Mohamad Nizal Yusof Mohamad Ar Rafi Hidayatullah Abdul Taib 	Stand-Alone Renewable Energy System + Hydrogen to Sarawak Rural Clinic	Tempat Pertama: RM7,000.00 + Plak + Sijil Penghargaan
<ul style="list-style-type: none"> Tc. Mohd Syafiq bin Ts. Mohd Rosdi 	Car Survival Kit	Tempat Kedua: RM4,000.00 + Plak + Sijil Penghargaan
<ul style="list-style-type: none"> Ts. Irmaizatussyehdany Buniyamin Ts. Dr. Noor Asnida Asli Prof. Ts. Dr Mohamad Rusop Hj Mahmood Rabiatuladawiyah Md Akhir Prof. Madya Dr. Zuraida Khusaimi 	Green Synthesis of Tin (IV) Oxide Nanoparticles (SnO ₂ NPs) Prepared Using Leaves Extract of Agarwood and its Degradation of Methylene Blue Dye: An Effective and Economical Approach	Tempat Ketiga: RM2,500.00 + Plak + Sijil Penghargaan

KATEGORI B (PELAJAR TAHUN AKHIR IJAZAH SARJANA MUDA)

PESERTA	NAMA PROJEK	KEDUDUKAN
<ul style="list-style-type: none"> Loke Rui Kee Wan Muhamad Asyraf bin Wan Zaki Bhuwaneswaran Vijayam (Universiti Teknologi Malaysia) 	Life Extension and Prolongation (LEAP-X)	Tempat Pertama: RM5,000.00 + Sijil Penghargaan + Pendaftaran GT MBOT
<ul style="list-style-type: none"> Nur Adleena binti Ahmad Ansary (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia) 	Small-scale Honey Dehydrator	Tempat Kedua: RM3,000.00 + Sijil Penghargaan + Pendaftaran GT MBOT
<ul style="list-style-type: none"> Kugan Reddy a/l Nadaraja (University of Nottingham Malaysia) 	Smart Public Transport Monitoring System Using Cloud Computing	Tempat Ketiga: RM2,000.00 + Sijil Penghargaan + Pendaftaran GT MBOT

KATEGORI C (PELAJAR TAHUN AKHIR DIPLOMA)

PESERTA	NAMA PROJEK	KEDUDUKAN
<ul style="list-style-type: none"> Muhammad Azim Izani bin Md Noh Abdur Raziq bin Mohd Sulaiman Mohd Redzuan bin Mohd Nasir Leong Yong Hao Fauzianna binti Awang (Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah) 	Pembangunan Sistem Pengawasan dan Pemantauan Rumah Cendawan dengan Menggunakan Teknologi Internet of Things (IoT)	Tempat Pertama: RM3,000.00 + Sijil Penghargaan + Pendaftaran QT MBOT
<ul style="list-style-type: none"> Sayyidah Shobariyyah binti Hashim (Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah) 	The Development of Smart Posture Corrector with Intelligent Reminder	Tempat Kedua: RM2,000.00 + Sijil Penghargaan + Pendaftaran QT MBOT
<ul style="list-style-type: none"> Mohamad Azri Hafiz bin Azlan Muhammad Haziq bin Shamsul Baharin (MARA-Japan Industrial Institute) 	Escalator Handrail Sterilizer with IOT Using Node MCU	Tempat Ketiga: RM1,500.00 + Sijil Penghargaan + Pendaftaran QT MBOT



Liputan Media

08 Jun 2022 09:36 AM

DagangNews.com

dagangnews.com
Berita Bisnes Anda

'Women Technologist Chapter' galak lebih ramai wanita sebagai teknologis profesional



Datuk Dr. Siti Hamisah Tapsir, Hjh. Sharifah Zaida Nibinti Syed Ibrahim

<https://www.dagangnews.com/women-technologist-chapter-galak-lebih-ramai-wanita-sebagai-teknologis-profesional-16107>

1/4



DATUK DR. SITI HAMISAH TAPSIR
PRESIDEN LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

BH ONLINE

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

Rangka polisi, undang-undang mantapkan ekosistem TVET

Oleh **Tuty Haryanti Ahmad Rodzi** - Februari 5, 2022 @ 12:15pm
bhnews@bh.com.my



18 Jul 2022 11:30 AM

DagangNews.com

dagangnews.com
Berita Bisnes Anda

Lembaga Teknologis Malaysia iktiraf warga teknikal ATM



<https://www.dagangnews.com/lembaga-teknologis-malaysia-iktiraf-warga-teknikal-atm-17365>

BERITA **CTM**

MBOT sasar tingkatan penglibatan wanita dalam bidang teknologi dan teknikal

November 4, 2022 Written by Media Baharu Published in Semasa



AMPANG, 4 November - Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) menasarkankan peningkatan potensi dan penglibatan wanita dalam bidang teknologi dan teknikal. Ia seiring dengan penubuhan Woman Technologist Chapter WTC pada Jun lalu.

Menurut Presidennya, Datuk Dr. Siti Hamisah Tapsir, ia bagi memberi galakan terhadap jumlah teknologis profesional dalam kalangan wanita yang mendokodkan peratusan rendah di negara.

Menerusi dapatan MBOT menunjukkan bermula tahun 2017 sehingga Oktober tahun ini hanya 3,739 atau 22 peratus penglibatan teknologis profesional dan 128 atau 7 peratus juruteknik bertauliah daripada kalangan wanita.

"WTC ini ialah platform bagi meningkatkan bilangan wanita meneruskan karier dalam bidang teknologi ini. Ia disebabkan ramai yang terhenti setelah berumah tangga dan mempunyai keluarga.

Setakat ini, kalau kita lihat terdapat 60,000 warga teknologis yang berdaftar dan hanya 15,000 terdiri daripada wanita," kata Dr. Siti Hamisah kepada RTM selepas sesi Hi-tea MBOT di Ampang, Hulu Klang.

Inisiatif yang dilaksanakan sejak Jun tahun ini, jelas memberi sokongan kepada kerjaya wanita dalam mencapai potensi diri agar lebih berdaya saing selain menyeimbangkan profesion tersebut terhadap wanita yang bekerjaya.

TERKINI (/INDEX.PHP/TERKINI) 05 Nov 2022 09:54 AM

DagangNews.com

dagangnews.com
Berita Bisnes Anda


Lembaga Teknologis Malaysia tubuh WTC pergiat penglibatan juruteknik kaum wanita

Oleh **ZULFADLI SHARIFUDIN**
editor@dagangnews.com (mailto:editor@dagangnews.com)

KUALA LUMPUR 5 Nov - Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) mengumumkan inisiatif terbaharu dengan menubuhkan Woman Technologist Chapter (WTC) bagi mempergiatkan penglibatan teknologis dan juruteknik profesional kalangan kaum wanita.

Kerjasama ke arah profesionalisme Teknologis dan Juruteknik

Oleh Saadiah Ismail - Julai 6, 2022 @ 9:38pm
saadiah.ismail@bh.com.my



Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Pelatih Tahap 3, 4 dan 5 program Pensijilan Kemahiran Malaysia berpeluang menikmati fasilitasi pembiayaan bagi pendaftaran sebagai Juruteknik Berkelayakan dan Juruteknik Bertauliah.

Ini susulan daripada kerjasama strategik antara Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) bersama Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

Melalui kerjasama itu, PTPK selaku badan yang menguruskan dana pinjaman latihan kemahiran akan membantu pelatih untuk mendaftar secara terus serta mendapat pengiktirafan MBOT.



SIARAN MEDIA

MALAYSIA TANDATANGANI MOU KERJASAMA DAN KOLABORASI BAKAT DALAM BIDANG KESELAMATAN SIBER BAGI MEMPERKUKUH KERJASAMA SERANTAU DALAM BIDANG KESELAMATAN SIBER

PUTRAJAYA, 23 November 2022 – Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) hari ini telah memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) South-East Asia Cybersecurity Consortium (SEA CC) Partnership bagi memperkukuh kerjasama serantau dalam bidang keselamatan siber.

MBOT telah diwakili oleh Pendaftaranya, Dr. Md Fauzi Md Ismail manakala negara-negara Asia Tenggara yang lain diwakili oleh Mohamad Azad Zaki Haji Mohd Tahir (Information Technology Protective Security Services - ITPSS), Johnny Kho (Association of Information Security Professionals - AISP), OU Phannarith (ISAC-Cambodia - Infosec), Fanky Christian (Association of National Information and Communication Technology Entrepreneurs - APTIKNAS), Ye Thura Thet (Myanmar Information Security Association - MISA), Association of Information Security Professionals - AISP), Prinya Hom-aneek (Thailand Information Security Association - TISA) dan Khong Huy Hung mewakili Vietnam Information Security Association (VNISA).



26 OKTOBER 2022

MBOT BAKAL MENJADI PENANDATANGAN PENUH SEOUL ACCORD 2023-2024

Putrajaya, 26 Oktober - Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) telah menjadi Penandatanganan sementara Seoul Accord iaitu perjanjian akreditasi bagi program pengkomputeran dan teknologi maklumat sejak tahun 2019.

MBOT menyasarkan untuk menjadi Penandatanganan Penuh Seoul Accord pada tahun 2021. Namun disebabkan oleh pandemik COVID 19, perancangan ini tergendala memandangkan proses penandatanganan penuh ini memerlukan Sekretariat Seoul Accord menjalankan sesi audit secara fizikal ke atas MBOT.

Pada tahun ini, MBOT mengambil inisiatif untuk meneruskan komitmen sebagai Penandatanganan Penuh. Antaranya ialah penyertaan dalam 2022 Seoul Accord Mid-term Meeting pada 27 Jun 2022 serta Seoul Accord Workshop Meeting yang telah diadakan pada 5 Oktober 2022. Melalui penyertaan ini, MBOT lebih berkeyakinan tinggi untuk memenuhi semua keperluan dan kriteria yang ditetapkan oleh Seoul Accord.

Selain itu juga, MBOT telah melantik Australian Computer Society (ACS), Australia sebagai mentor yang akan membantu MBOT ke arah negara penandatanganan. MBOT turut menubuhkan satu task force khususnya bagi menambah baik proses akreditasi bagi program pengkomputeran dan teknologi maklumat serta memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh pihak Seoul Accord.

Penyertaan Malaysia dalam Seoul Accord ini akan memberi manfaat kepada program-program pengkomputeran dan teknologi maklumat yang sama ada telah diiktiraf atau dalam proses untuk diiktiraf oleh MBOT. Program-program akademik ini akan setanding dengan negara-negara maju yang merupakan Penandatanganan Seoul Accord iaitu Korea Selatan, Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada, Hong Kong, Taiwan, Jepun, Australia dan Mexico.

Dengan menjadi sebahagian daripada Seoul Accord juga akan memberi kelebihan kepada bakat tempatan khususnya dalam aspek mobiliti memandangkan mereka akan mudah diterima oleh majikan-majikan di negara penandatanganan lain. Ini kerana kualiti graduan daripada program yang diiktiraf oleh Seoul Accord akan terjamin kerana mereka memenuhi *standard* dan kriteria yang ditetapkan dalam perjanjian pelbagai pihak ini.

Diasaskan pada 2008, Seoul Accord bertujuan untuk menyumbang kepada kemajuan pendidikan dalam pengkomputeran dan teknologi maklumat di peringkat antarabangsa menerusi pengiktirafan silang program akademik.

Datuk Ts Ir Dri Siti Hamisah binti Tapsir
Presiden
Lembaga Teknologis Malaysia



SIARAN MEDIA BERSAMA

06 JULAI 2022

KERJASAMA STRATEGIK ANTARA LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT) DENGAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK) DALAM MEMPERKASA GRADUAN TVET NEGARA

KUALA LUMPUR, 06 JULAI 2022 - Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) bersama Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) bagi membolehkan pembiayaan pendaftaran para pelatih program Pensijilan Kemahiran Malaysia dengan MBOT. YB Datuk Haji Ahmad Amzad bin Hashim, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah menyaksikan sesi pertukaran dokumen di antara MBOT dan PTPK semasa merasmikan program *MBOT Experts Network in Technology, Innovation and Cooperative Event* yang berlangsung baru-baru ini. Perjanjian ini ditandatangani oleh En Mohd Fathullah bin Mustafa, Ketua Eksekutif PTPK manakala MBOT diwakili oleh Datuk Ts. Ir. Dri. Siti Hamisah binti Tapsir, Presiden dan Dr Md Fauzi bin Md Ismail, Pendaftar.

Melalui kerjasama MOU ini, PTPK selaku badan yang menguruskan dana pinjaman latihan kemahiran kepada para pelatih Tahap 3, 4 dan 5 program Pensijilan Kemahiran Malaysia akan memberi fasilitasi pembiayaan bagi pendaftaran sebagai Juruteknik Berkelayakan dan Juruteknik Bertauliah (Tc.). Dengan pembiayaan ini, ianya akan membantu para pelatih untuk mendaftar secara terus serta mendapat pengiktirafan MBOT.

Inisiatif ini dijangka akan melengkapkan keseluruhan rantaian yang bermula daripada latihan kemahiran di Institut Latihan TVET sehingga ke pengiktirafan profesional. Sehubungan dengan ini, PTPK dan MBOT sama-sama menyeru para pelatih untuk mengambil peluang ini kerana profesion Teknologis dan Juruteknik setaraf dengan profesional yang lain seperti yang dijamin dalam Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768).



SIARAN MEDIA

**MBOT WOMAN TECHNOLOGIST CHAPTER –
WADAH MARTABATKAN TEKNOLOGIS DAN JURUTEKNIK WANITA**

JUMAAT, 04 NOVEMBER 2022

KUALA LUMPUR, 04 November 2022 – Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) mengumumkan inisiatif terbaru dengan menubuhkan Woman Technologist Chapter (WTC) bagi mempromosikan penglibatan Teknologis dan Juruteknik Profesional kalangan kaum wanita.

Presidennya, Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir berkata, sebagai wanita yang berkerjaya, mereka haruslah menonjolkan nilai serta potensi diri agar dapat berdaya saing dalam mendepani dunia yang penuh dengan cabaran dan kecanggihan teknologi masa kini.

“Kita juga harus menentang profesional-profesional wanita bukan sahaja di peringkat utama, malah di peringkat pengurusan dan pertengahan. Program seperti hari ini juga merupakan suatu platform yang baik untuk kita sama-sama membina dan memperkukuhkan jaringan profesional kita”, kata beliau dalam ucapannya pada sesi MBOT Red LIPS Hi-Tea di Ampang dekat Kuala Lumpur, hari ini.

Tambah beliau, “kita telah melihat kehebatan wanita dalam menerajui organisasi-organisasi terkemuka seperti Datin Lim Bee Wah, selaku Pengurus Besar Kumpulan Small, Medium and Corporate (SMC), Microsoft Malaysia dan Raja Azrina Raja Othman, sebagai Chief Information Security Officer, Telekom Malaysia. Kita sememangnya mempunyai kaum hawa yang *prominent* dan hebat dalam memacu negara kearah ekonomi mampan dan perkembangan teknologi.”



SIARAN MEDIA

**MBOT IKTIRAF 70 PROGRAM AKADEMIK KOLEJ KOMUNITI SEBAGAI
PROGRAM AKREDITASI PENUH, SEKALI GUS BAKAL MANFAATKAN LEBIH
11,000 GRADUAN TEKNIKAL BERPOTENSI UNTUK DIKTIRAF SEBAGAI
PROFESIONAL**

SABTU, 12 NOVEMBER 2022

PUTRAJAYA, 12 November 2022 – Sebanyak 70 program akademik yang ditawarkan oleh 50 Kolej Komuniti seluruh negara telah mendapat pengiktirafan Akreditasi Penuh daripada Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC), Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT). Kesemua program tersebut merupakan Sijil Tahap 3 Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework – MQF).

Program-program tersebut merangkumi enam daripada 24 bidang yang diiktiraf oleh MBOT iaitu Teknologi Automotif, Teknologi Elektrik dan Elektronik, Teknologi Pembinaan, Teknologi Makanan, Teknologi Berasaskan Pertanian, dan Teknologi Pembuatan dan Industri.

Akreditasi Penuh merupakan perakuan rasmi kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) bahawa sijil, diploma atau ijazah yang akan dianugerahkan kepada graduan adalah selaras dengan standard yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Agency – MQA).

Kolej Komuniti melakar sejarah apabila buat julung kalinya telah mendapat pengiktirafan Akreditasi Penuh dari badan profesional seperti MBOT. Ini merupakan satu petunjuk penting bahawa institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) seperti Kolej Komuniti mempunyai standard yang tinggi termasuk dalam aspek pengajaran, kualiti tenaga pengajar, metodologi serta sumber pengajaran.

Dengan ini, MBOT yakin bahawa kolej-kolej komuniti akan berjaya menghasilkan juruteknik pakar yang bersedia untuk berkhidmat dalam industri, dan memanfaatkan kesemua pemegang taruh utama dalam program TVET.



SIARAN MEDIA

07 JUN 2022

**PROGRAM MBOT EXPERTS NETWORK IN TECHNOLOGY, INNOVATION AND
COOPERATIVE EVENT (ENTICE 2022)**

KUALA LUMPUR, 07 JUN 2022 - Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Amzad bin Hashim, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi hari ini telah merasmikan Program MBOT Experts Network in Technology, Innovation and Cooperative Event atau singkatannya MBOT ENTICE 2022 yang berlangsung di W Hotel, Kuala Lumpur.

Ia merupakan penjenamaan semula program *Townhall* yang sebelum ini dijalankan sebagai usaha kolektif untuk menghimpunkan ahli-ahli profesional MBOT bersama pemegang taruh bagi memperkukuh profesion Teknologis dan Juruteknik di Malaysia.

Dalam ucapannya, YB Timbalan Menteri MOSTI telah menyatakan sokongan padu ke atas peranan dan hala tuju MBOT yang jelas dalam memastikan bakat-bakat yang ada dalam negara bukan sahaja kompeten, malah mempunyai kod etika sebagai seorang yang profesional.

Antara inisiatif yang dilancarkan sempena Program MBOT ENTICE 2022 pada hari ini ialah *TechZone* iaitu kerjasama strategik melibatkan MBOT dan universiti. Melalui kerjasama ini, bakal-bakal graduan Teknologi dan Teknikal akan memperoleh manfaat untuk membangunkan kerjaya.

MBOT juga mengumumkan kerjasama dengan *learned society* dalam pelbagai bidang teknologi yang terdiri daripada persatuan-persatuan industri dan iktisias. Ini bagi memastikan MBOT sentiasa menerima input yang tepat dan terkini dalam



SIARAN MEDIA

**KERANGKA UNDANG-UNDANG DAN DASAR
ASAS PENGUKUHAN EKOSISTEM TVET**

PUTRAJAYA, 5 FEBRUARI 2022– Susulan daripada Mesyuarat Majlis TVET Negara (MTVET) semalam yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, beliau telah mengumumkan beberapa usaha untuk memantapkan ekosistem TVET di Malaysia. Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) percaya bahawa usaha-usaha tersebut merupakan langkah strategik yang perlu diambil bagi memastikan pembangunan modal insan TVET negara, khususnya berkaitan keperluan kemahiran dan tenaga kerja.

Isu ketidakselarasan tadbir urus dalam ekosistem TVET telah pun dinyatakan secara terperinci dalam Rancangan Malaysia Ke-10 lagi. Walaupun telah banyak usaha penambahbaikan termasuk penubuhan MBOT sebagai sebuah badan profesional yang mengiktiraf graduan-graduan TVET sebagai profesion iktisias, namun aspek pengukuhan tadbir urus dalam ekosistem TVET perlu ditambah baik dari semasa ke semasa.

Penubuhan Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri (Government-Industry TVET Coordination Body, GITC) diharapkan akan mengukuhkan hubungan pemain industri berkaitan TVET khususnya syarikat-syarikat, penyedia latihan kemahiran serta agensi-agensinya berkaitan. Seterusnya, GITC akan dapat memastikan inisiatif-inisiatif TVET ini menghasilkan impak yang lebih besar. Ini kerana inisiatif TVET yang berada di pelbagai kementerian menyukarkan aspek pemantauan, penilaian dan penambahbaikan dijalankan dengan berkesan.


Kerajaan juga secara dasar telah bersetuju dengan penarafan tunggal TVET untuk memperkukuh simbiosis ekosistem TVET. MBOT berpandangan penarafan ini akan memberi banyak kelebihan khususnya kepada kualiti graduan TVET yang akan dihasilkan. Inisiatif ini juga dapat membantu pihak majikan dalam mengenalpasti bakat yang bersesuaian dengan keperluan industri masing-masing. Dengan ini, jurang antara permintaan dan penawaran tenaga kerja dapat dirapatkan.



— — —

Penyata Kewangan

Ringkasan Kewangan



Laporan Kewangan

Pada tahun 2022, jumlah pendapatan yang diperolehi MBOT bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM9,554,952. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM8,888,266 merupakan hasil yang diterima daripada fi pendaftaran, fi pembaharuan keahlian, fi penilaian profesional, fi akreditasi serta yuran bengkel latihan panel penilai Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC) daripada Pemberi Pengajian Tinggi (PPT). Pada tahun 2022, MBOT telah mewujudkan satu yuran baharu yang perlu dibuat secara tahunan iaitu *Approve Training Provider (ATP)* dan MBOT telah mengutip hasil sebanyak RM31,500 bagi tahun 2022. Manakala sebanyak RM327,686 adalah daripada hasil keuntungan atas akaun semasa dan deposit tetap.

Pada 23 Mac 2022, MBOT telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi Program *Upskilling For DeepTech & Futureskills* di Bawah Pasukan Tugas Khas *DeepTech & Futureskills* oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan saluran peruntukan sebanyak RM1,200,000. Daripada peruntukan tersebut, MBOT telah menggunakan RM200,000 bagi menampung kos operasi bagi program ini.


Pada tahun 2022 juga, MBOT telah mengadakan dua program utama iaitu *MBOT Experts Network In Technology, Innovation and Cooperative Event (ENTICE)*

dan *MBOT Red Lips Hi-Tea*. Lanjutan itu, MBOT telah memperolehi sumbangan sebanyak RM107,500 bagi menampung sebahagian kos perbelanjaan program tersebut.

Pendapatan MBOT pada tahun 2022 telah meningkat sebanyak 12% berbanding tahun 2021 (RM8,548,607). Manakala perbelanjaan MBOT pada tahun 2022 pula meningkat sebanyak 26% berbanding tahun 2021 (RM5,199,019). Perbelanjaan yang meningkat adalah hasil daripada peningkatan kos operasi yang melibatkan pengisian perjawatan, pembayaran honorarium panel penilai profesional dan akreditasi program serta perbelanjaan perjalanan & penginapan luar negara bagi penyertaan MBOT di Mesyuarat Tahunan Seoul Accord di Ireland.

MBOT telah mencatatkan lebih pendapatan (sebelum cukai) sebanyak RM3,017,742 pada tahun 2022. Lebih pendapatan ini menurun sebanyak 10% berbanding tahun 2021 (RM3,349,588). Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 juga mencatatkan jumlah aset semasa sebanyak RM20,696,743 melebihi liabiliti semasa iaitu RM1,350,997. Ini memberikan nisbah semasa 15.32:1 yang menggambarkan keupayaan MBOT dalam memaksimumkan aset semasa bagi memenuhi hutang semasa dan pembayaran lain.

Pecahan Terimaan MBOT 2022





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 30.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Teknologis Malaysia pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Teknologis Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Lembaga, Lembaga Teknologis Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768). Anggota Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia, Anggota Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Teknologis Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Teknologis Malaysia;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Lembaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Teknologis Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Anggota Lembaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Lembaga, Lembaga Teknologis Malaysia berdasarkan keperluan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
11 JULAI 2023



LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

PENYATA PRESIDEN DAN SEORANG ANGGOTA LEMBAGA

Kami, **PROFESOR DATUK Ts. Ir. Dr. SITI HAMISAH BINTI TAPSIR** dan **Ts. LIEW CHOON LIAN**, yang merupakan Presiden dan salah seorang Anggota Lembaga Teknologis Malaysia (“MBOT”), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Lembaga, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan MBOT pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



.....
**DATUK Ts. IR. DR. SITI HAMISAH
BINTI TAPSIR, FASc
PRESIDEN
LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA**

Bagi pihak Lembaga,



.....
**Ts. LIEW CHOON LIAN
ANGGOTA LEMBAGA
LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA**

TARIKH: **23 MAR 2023**

TARIKH: **23 MAR 2023**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA**

Saya, Dr. Md Fauzi bin Md Ismail, No. K/P 800414-06-5185 pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh)
Dr. Md Fauzi bin Md Ismail)
di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya)
pada **23 MAR 2023**



.....
Dr. MD FAUZI BIN MD ISMAIL

Di hadapan saya:
Pesuruhjaya Sumpah



D-3-2 Ayer@8, Jalan P8G,
Presint 8,
62250 Putrajaya

Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2022

	NOTA	2022 RM	2021 RM
ASET			
Aset Semasa			
Wang di Bank	5	5,998,934	5,649,641
Deposit Tetap	6	14,140,373	10,868,258
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	7	145,770	122,030
Bayaran Terdahulu	8	373,878	470,923
Cukai	18	37,788	21,738
Jumlah Aset Semasa		20,696,743	17,132,590
Aset Bukan Semasa			
Deposit	10	102,600	102,000
Hartanah, Loji dan Peralatan	11	496,813	534,550
Aset Dalam Pembinaan	9	-	91,572
Aset Tak Ketara	12	23,519	43,572
Jumlah Aset Bukan Semasa		622,932	771,694
Jumlah Aset		21,319,675	17,904,284
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	13	141,099	204,706
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar	14	102,000	-
Lain-Lain Belum Bayar	15	21,829	33,892
Pendapatan Terdahulu– Fi Akreditasi	16	625,650	331,000
Peruntukan Manfaat Pekerja	17	368,172	291,503
Peruntukan Cukai	18	92,247	-
Jumlah Liabiliti Semasa		1,350,997	861,101
Jumlah Liabiliti		1,350,997	861,101
ASET BERSIH		19,968,678	17,043,183
ASET BERSIH			
Lebihan Terkumpul		19,968,678	17,043,183
Jumlah Aset Bersih		19,968,678	17,043,183

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

Penyata Prestasi Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

	NOTA	2022 RM	2021 RM
Hasil Urus Niaga Pertukaran	19	9,247,452	8,548,607
Hasil Urus Niaga Bukan Pertukaran	20	307,500	-
Jumlah Hasil		<u>9,554,952</u>	<u>8,548,607</u>
Belanja			
Upah, Gaji dan Manfaat Pekerja	21	2,868,142	2,480,954
Perbelanjaan Am		51,820	29,431
Sewaan	22	397,149	376,850
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	11	182,062	139,937
Pelunasan Aset Tak Ketara	12	20,053	19,205
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		38,273	45,645
Perbelanjaan Perjalanan & Penginapan	23	487,214	60,207
Perhubungan dan Utiliti	24	214,427	217,830
Perkhidmatan Percetakan		175,978	170,040
Perkhidmatan Pekerja Sambilan/ Sementara		148,285	95,874
Lain-lain Belanja Perkhidmatan	25	393,867	325,456
Elaun Mesyuarat & Panel Penilai	26	1,029,060	1,052,560
Kakitangan Penting Pihak Pengurusan	27	323,768	149,967
Program MBOT <i>Technology & Innovation Expo 2021</i> (MTeX'21)	28	35,041	35,063
Program ENTICE 2022	29	147,551	-
Program <i>Upskilling For Deeptech & Futureskills</i>	30	24,520	-
Jumlah Belanja		<u>6,537,210</u>	<u>5,199,019</u>
Lebihan bagi Tahun		<u>3,017,742</u>	<u>3,349,588</u>
Cukai		92,247	45,356
Lebihan Selepas Cukai		<u>2,925,495</u>	<u>3,304,232</u>

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)



Penyata Perubahan Aset Bersih bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

LEBIHAN TERKUMPUL
RM

Baki pada 01.01.2021	13,738,951
Lebihan bagi Tahun	3,304,232
Baki pada 31.12.2021	17,043,183
Baki pada 01.01.2022	17,043,183
Lebihan bagi Tahun	2,925,495
Baki pada 31.12.2022	19,968,678

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

Penyata Aliran Tunai bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

	NOTA	2022 RM	2021 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebihan bagi Tahun		3,017,742	3,349,588
Pelarasan:			
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	11	182,770	139,937
Hapus Kira Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	11	(708)	-
Pelunasan Aset Tak Ketara	12	20,053	19,205
Keuntungan atas Deposit Tetap dan Akaun Semasa	19	(327,686)	(248,509)
Manfaat Pekerja	17	347,303	235,645
Lebihan bagi Tahun Sebelum Perubahan dalam Modal Kerja		3,239,474	3,495,866
Peningkatan dalam Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	7	759	6,247
Penurunan Bayaran Terdahulu	8	97,045	123,172
(Penurunan)/ Peningkatan dalam Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	13	(63,607)	155,498
Peningkatan/ (Penurunan) dalam Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar	14	102,000	(34,282)
(Penurunan)/ Peningkatan Lain-lain Belum Bayar	15	(12,063)	6,639
Peningkatan/ (Penurunan) Pendapatan Terdahulu- Fi Akreditasi	16	294,650	(383,500)
Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi		3,658,258	3,369,640
Deposit Dibayar	10	(600)	(13,701)
Cukai Dibayar	18	(16,050)	(265,619)
Manfaat Pekerja Dibayar	17	(270,634)	(189,699)
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi		3,370,974	2,900,621
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan	11	(47,029)	(447,017)
Aset Dalam Pembinaan	9	(5,724)	(47,712)
Aset Tak Ketara	12	-	(16,960)
Terimaan Keuntungan atas Deposit Tetap dan Akaun Semasa		303,187	232,172
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pelaburan		250,434	(279,517)
Peningkatan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		3,621,408	2,621,104
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		16,517,899	13,896,795
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun		20,139,307	16,517,899
Tunai dan kesetaraan tunai diwakili oleh:			
Wang di Bank	5	5,998,934	5,649,641
Deposit Tetap	6	14,140,373	10,868,258
		20,139,307	16,517,899

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

1. MAKLUMAT AM

Penyata Kewangan Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT) bagi tahun kewangan 2022 telah diluluskan oleh Anggota Lembaga Teknologi Malaysia Bil.2/2023 pada 7 Mac 2023.

Penyata kewangan ini telah disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia (“RM”) iaitu mata wang fungsi dan mata wang persembahan MBOT.

2. KEGIATAN UTAMA

Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang ditubuhkan melalui Akta Teknologi dan Juruteknik 2015 (Akta 768) pada 1 Ogos 2015. Kegiatan utama MBOT adalah mengiktiraf profesion teknologis dan juruteknik sebagai profesion ikhtisas di Malaysia serta menubuhkan majlis bagi menilai jaminan kualiti program dalam bidang teknologi dan teknikal.

3. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

- (a) Penyata Kewangan MBOT telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dengan andaian bahawa kegiatan MBOT adalah berterusan.
- (b) Akaun-akaun MBOT yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Teknologi dan Juruteknik 2015 (Akta 768) dan peraturan-peraturan yang diperbuat di bawahnya.
- (c) Penyata Kewangan MBOT telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

(a) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan Kesetaraan Tunai adalah terdiri daripada Wang di Bank dan Deposit Tetap di Bank-bank berlesen yang bertarikh matang kurang daripada 12 bulan yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(b) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul.

Susut nilai bagi Hartanah, Loji dan Peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus sepanjang tempoh usia guna aset tersebut pada kadar yang berikut:

KATEGORI	USIA GUNA (TAHUN)
Kenderaan	8
Perabot	10
Komputer dan Peralatan ICT	5
Pengubahsuaian Pejabat	2 - 3
Peralatan dan Kelengkapan Pejabat	5

Usia guna bagi pengubahsuaian pejabat adalah tertakluk berdasarkan tempoh kontrak perjanjian sewa.

Had nilai dipermodalkan untuk Hartanah, Loji dan Peralatan adalah RM2,000.00 bagi setiap item.

Nilai sisa, hayat guna dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Sesebuah butiran hartanah, loji dan peralatan dinyahiktiraf pada masa ia dilupuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa hadapan dijangkakan daripada kegunaannya atau pelupusannya. Sebarang hasil atau kerugian atas penyahiktirafan aset ini dimasukkan dalam untung atau rugi pada tahun aset tersebut tidak diiktiraf.

(c) Aset Dalam Pembinaan

Aset Dalam Pembinaan terdiri daripada penambahbaikan sistem pendaftaran dan pengubahsuaian pejabat MBOT.

Penambahbaikan sistem pendaftaran akan diiktiraf sebagai Aset Tak Ketara apabila proses User Acceptance Test (UAT) telah siap sepenuhnya setelah disahkan oleh Pembekal dan MBOT.

Pengubahsuaian pejabat MBOT akan dikategorikan sebagai Aset Bukan Semasa apabila pejabat itu boleh digunakan.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(c) Aset Dalam Pembinaan (Sambungan)

Aset Dalam Pembinaan tidak disusut nilai memandangkan aset ini masih dalam tempoh pembangunan dan akan dikategorikan sebagai Aset Bukan Semasa.

(d) Aset Tak Ketara

Aset tak ketara pada awalnya direkodkan pada kos.

Aset tak ketara dengan usia guna dapat ditentukan berikutnya dinyatakan pada kos ditolak dengan sebarang pelunasan dan kerugian rosot nilai (jika ada). Pelunasan dicaj kepada penyata prestasi kewangan secara garis lurus sepanjang usia guna aset. Pada kebiasaannya, usia guna perisian dan sistem komputer adalah tiga hingga lima tahun. Usia guna dan kaedah pelunasan dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Aset tak ketara dengan usia guna tidak dapat ditentukan tidak dilunaskan, tetapi diuji setiap tahun untuk rosot nilai. Untung dan rugi daripada pelupusan aset tak ketara diiktirafkan dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh urusniaga tersebut berlaku.

Aset tak ketara dengan usia guna dapat ditentukan dikaji semula setiap tahun untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai. Jika amaun boleh pulih aset tak ketara tersebut adalah kurang daripada nilai dibawa, ia dilaporkan pada amaun boleh pulih dan kerugian penjejasan diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

(e) Penjejasan Aset Bukan Kewangan

Aset Penjanaaan Bukan Tunai

MBOT akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka MBOT akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(f) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila MBOT menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisui liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan serta pinjaman dan belum bayar.

(g) Bayaran Terdahulu

Bayaran Terdahulu adalah amaun yang dibayar terlebih dahulu sebelum barangan atau perkhidmatan diterima. Bayaran Terdahulu dibuat kepada Touch 'n Go bagi percetakan kad keahlian dan diiktiraf selepas terimaan barang atau perkhidmatan telah disempurnakan.

(h) Peruntukan Liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila MBOT mempunyai kewajipan undang-undang dan konstruktif semasa akibat peristiwa masa lalu dan terdapat kemungkinan aliran keluar sumber yang merangkumi faedah ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Sekiranya tidak lagi mungkin bahawa aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan, peruntukan itu dibalikkan.

(i) Pengiktirafan Hasil

(i) Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam MBOT, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Aliran masuk sumber daripada urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti telah dipenuhi, MBOT hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(i) Pengiktirafan Hasil (Sambungan)

(ii) Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran yang diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada MBOT dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Pengiktirafan hasil MBOT yang terdiri daripada:

- (1) Fi Pendaftaran – bayaran diterima daripada pemohon setelah diluluskan berdasarkan kelayakan, sebelum diputuskan diperingkat Lembaga dalam tahun kewangan yang sama;
- (2) Fi Penilaian Profesional – bayaran daripada teknologis ijazah/juruteknik berkelayakan apabila membuat permohonan penilaian;
- (3) Fi Pembaharuan Keahlian – dibayar oleh Teknologis Profesional/Juruteknik Bertauliah setiap tahun apabila tamat tempoh keahlian dalam tahun kewangan. Hanya yuran tahunan berkaitan dengan tahun kewangan semasa diiktiraf sebagai pendapatan;
- (4) Fi Akreditasi – dibayar oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) mahupun Pemberi Pengajian Tinggi (PPT) berdasarkan program teknologi dan teknikal yang didaftarkan bagi tujuan akreditasi. Pengiktirafan akreditasi adalah berdasarkan perkhidmatan akreditasi yang dijalankan di dalam tahun kewangan yang sama; dan
- (5) Keuntungan daripada pelaburan yang diterima pada tarikh matang /pengeluaran serta keuntungan dari simpanan akaun semasa. Keuntungan dari mana-mana pelaburan yang dibuat diiktiraf pada asas akruan.
- (6) Yuran Bengkel – bayaran diterima daripada ahli MBOT bagi bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh MBOT.

(j) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, elaun, bonus, sumbangan keselamatan sosial, manfaat-manfaat bukan kewangan dan pelbagai cuti termasuk cuti tahunan dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan MBOT. Manfaat bagi ganjaran cuti tahunan yang tidak dapat dihabiskan dalam tempoh kontrak (kurang 12 bulan) juga dibayar dan dianggap sebahagian daripada manfaat pekerja jangka pendek.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(j) Manfaat Pekerja (Sambungan)

(i) Manfaat Jangka Pendek (Sambungan)

MBOT mengiktiraf pemberian wang tunai sebagai gantian bagi cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan oleh pegawai lantikan secara kontrak. Pemberian ini adalah diberi selepas tamatnya tempoh kuatkuasa sesuatu kontrak. Pembayaran wang tunai ini dikira berdasarkan formula berikut:

$1/30 \times$ jumlah gaji dan imbuhan tetap bulanan (yang akhir diterima bagi kontrak berkaitan) \times bilangan cuti rehat yang dibenarkan (tertakluk kepada maksima 15 hari atau $1/2$ daripada kadar cuti rehat yang berkecualan pada tahun berkenaan)

Pemberian wang tunai ini yang akan dibayar pada tahun kewangan berikutnya dijadikan sebagai peruntukan dalam liabiliti semasa berdasarkan had maksima yang boleh dibayar sebanyak 15 hari.

(ii) Manfaat Selepas Perkhidmatan

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

MBOT mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut diiktiraf ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)

MBOT mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut diiktiraf ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

Selain itu, MBOT akan menggunakan pekeliling-pekeliling berkaitan dengan manfaat atau ganjaran kepada kakitangan yang diluluskan oleh MBOT termasuk pekeliling-pekeliling Perkhidmatan Awam yang berkaitan dari semasa ke semasa.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(k) Cukai

(i) Cukai Pendapatan

Hasil pendapatan MBOT adalah berlandaskan kepada fungsi yang dilaksanakan seperti dalam Akta 768. Oleh yang demikian, cukai ke atas hasil pendapatan MBOT adalah dikecualikan berdasarkan kepada Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No 22) 2006.

(ii) Cukai atas keuntungan hasil pelaburan

Mana-mana keuntungan yang diperoleh hasil dari pelaburan ke dalam simpanan tetap yang berjangka pendek atau panjang adalah tertakluk kepada cukai. Cukai yang diiktiraf adalah jangkaan jumlah cukai ke atas keuntungan simpanan tetap yang perlu dibayar untuk keuntungan boleh cukai bagi tahun kewangan sebelum dan semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang digubal pada tarikh pelaporan.

(l) Pendedahan Pihak Berkaitan

Pihak berkaitan adalah kakitangan penting pihak pengurusan yang merupakan Presiden dan Anggota Lembaga MBOT yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarahkan, dan mengawal aktiviti MBOT sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan Pengurusan Utama dibayar elaun mesyuarat dan elaun kehadiran mesyuarat atau jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan.

(m) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

(i) Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

(ii) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(m) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (Sambungan)

(ii) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (Sambungan)

(1) Elaun Rosot Nilai bagi Siberhutang

MBOT menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, MBOT menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit serupa.

(2) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Aset Ketara dan Aset Tak Ketara

Semua aset ketara dan aset tak ketara disusutnilaikan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai dan pelunasan aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(3) Pengukuran Peruntukan

MBOT sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(n) Instrumen Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila MBOT menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebih atau kurang, yang terlibat secara langsung di dalam memperoleh aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori aset kewangan iaitu aset kewangan pinjaman dan belum terima dan pelaburan dipegang hingga matang.

MBOT hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(1) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan.

(2) Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai pelaburan dipegang hingga matang apabila MBOT mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan. Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa aset kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan diterima adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan. Segala perubahan nilai saksama terkumpul bagi aset kewangan sedia dijual akan diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(o) Pajakan

- (i) Pajakan Kewangan memindahkan, sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan Aset yang dipajak kepada MBOT sebagai Penerima Pajak. Pengiktirafan awal untuk Pajakan Kewangan mengiktiraf Aset dan Liabiliti pada amaun terendah antara Nilai Saksama Aset yang dipajak dan Nilai Kini Bayaran Pajakan Minimum. Nilai yang dipermodalkan dilunaskan sepanjang tempoh MBOT menjangka untuk menerima manfaat daripada pajakan tersebut.
- (ii) Pajakan Operasi, mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan Pemberi Pajak. Ia diiktiraf secara sistematik sepanjang tempoh pajakan. Penambahbaikan pegangan Pajakan dipermodalkan dan kosnya dilunaskan sepanjang baki Tempoh Pajakan atau anggaran Usia Guna penambahbaikan dengan mengambil tempoh yang lebih pendek. Insentif Pajakan yang diterima diiktirafkan dengan kadar sama rata ke atas jangka masa Pajakan sebagai pengurangan Belanja Sewa.

5. WANG DI BANK

	2022	2021
	RM	RM
Wang di bank:		
Bank Islam Malaysia Berhad - Cawangan Putrajaya (Bayaran)	1,131,223	724,882
Bank Islam Malaysia Berhad - Cawangan Putrajaya (Terimaan)	3,029,073	2,913,002
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad - Cawangan Putrajaya	49,314	48,581
Malayan Banking Berhad	876	941
Affin Islamik	1,788,448	1,962,235
	<u>5,998,934</u>	<u>5,649,641</u>

6. DEPOSIT TETAP

	2022	2021
	RM	RM
Bank Islam Malaysia Berhad - Cawangan Putrajaya	8,566,199	2,037,534
Affin Islamik	2,538,924	8,830,724
Bank Muamalat Malaysia Berhad	3,035,250	-
	<u>14,140,373</u>	<u>10,868,258</u>

7. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2022	2021
	RM	RM
Keuntungan atas Deposit Tetap yang Belum Terima:		
• Deposit Tetap Bank Islam	98,960	32,285
• Deposit Tetap Affin Islamik	18,554	88,222
• Deposit Tetap Bank Muamalat Malaysia Berhad	27,492	-
Lain-lain Belum Terima	764	1,523
	<u>145,770</u>	<u>122,030</u>

Nota: Lain-lain Belum Terima merangkumi bayaran bagi invoice untuk bayaran fi akreditasi, fi pendaftaran keahlian dan yuran bengkel.

8. BAYARAN TERDAHULU

	2022	2021
	RM	RM
Bayaran kepada Touch 'N Go Sdn Bhd	356,700	470,010
Bayaran Prabayar	17,178	913
	<u>373,878</u>	<u>470,923</u>

Nota: Bayaran kepada TNGO melibatkan perkhidmatan percetakan kad keahlian BIZSpoke yang telah dibuat bayaran penuh tetapi terimaan barang adalah berdasarkan kepada jumlah tempahan kad oleh MBOT.

Bayaran prabayar adalah bagi perkhidmatan sewaan Cloud Server untuk sistem dan laman sesawang MBOT serta sewaan pejabat.

9. ASET DALAM PEMBINAAN

	2022	2021
	RM	RM
Aset Dalam Pembinaan		
• Pengubahsuaian Pejabat	-	91,572
	<u>-</u>	<u>91,572</u>

Baki Aset Dalam Pembinaan pada 1 Januari 2022 adalah sebanyak RM91,572. Pembayaran bagi pengubahsuaian pejabat telah dibuat pada 8 Februari 2022 berjumlah RM115,896. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM105,796 telah dipindahkan ke Hartanah, Loji dan Peralatan (rujuk Nota 11) dan sebanyak RM18,600 telah dipindahkan ke Perbelanjaan Am. Terdapat pembatalan perkhidmatan pada tarikh yang sama berjumlah RM8,500 dan didebitkan semula. Baki sebanyak RM24,324 merupakan wang tahanan yang dibayar pada 7 September 2022 dan pembatalan perkhidmatan.

10. DEPOSIT

	2022	2021
	RM	RM
Deposit Berbayar		
• Sewaan Ruang Pejabat (Cekap Usaha Jaya SB)	60,000	60,000
• Sewaan Ruang Pejabat Baru (Laksamana Builders SB)	28,000	28,000
• Fit-Out-Deposit Pejabat Baru (Laksamana Builders SB)	14,000	14,000
• Sewaan Pejabat Maya (Educity)	600	-
	<u>102,600</u>	<u>102,000</u>

11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2022

	Perabot RM	Komputer dan Peralatan ICT RM	Kenderaan RM	Pengubahsuaian Pejabat RM	Peralatan dan Kelengkapan Pejabat RM	Jumlah RM
KOS						
Pada 01.01.2022	108,050	261,064	162,180	260,982	81,861	874,137
Pindahan Dari Aset Dalam Pembinaan (Nota 9)	55,096	-	-	48,500	2,200	105,796
Tambahan	12,600	34,429	-	-	-	47,029
Hapus kira	(8,500)	-	-	-	-	(8,500)
Pada 31.12.2022	167,246	295,493	162,180	309,482	84,061	1,018,462
SUSUT NILAI						
Pada 01.01.2022	8,104	138,812	72,144	101,129	19,398	339,587
Tambahan	16,074	46,152	20,272	85,865	14,407	182,770
Hapus kira	(708)	-	-	-	-	(708)
Pada 31.12.2022	23,470	184,964	92,416	186,994	33,805	521,649
NILAI BUKU BERSIH	143,776	110,529	69,764	122,488	50,256	496,813

2021

	Perabot RM	Komputer dan Peralatan ICT RM	Kenderaan RM	Pengubahsuaian Pejabat RM	Peralatan dan Kelengkapan Pejabat RM	Jumlah RM
KOS						
Pada 01.01.2021	-	193,414	162,180	47,844	23,681	427,119
Tambahan	108,050	67,649	-	213,138	58,180	447,017
Pada 31.12.2021	108,050	261,063	162,180	260,982	81,861	874,136
SUSUT NILAI						
Pada 01.01.2021	-	91,630	51,872	47,844	8,303	199,649
Tambahan	10,472	47,181	20,272	53,285	8,727	139,937
Pada 31.12.2021	10,472	138,811	72,144	101,129	17,030	339,586
NILAI BUKU BERSIH	97,578	122,252	90,036	159,853	64,831	534,550

12. ASET TAK KETARA

Pembangunan Web Portal & Sistem Pendaftaran MBOT

	2022	2021
	RM	RM
KOS		
Pada 1 Januari	100,262	83,302
Tambahan	-	16,960
Pada 31 Disember	100,262	100,262
PELUNASAN		
Pada 1 Januari	56,690	37,485
Tambahan	20,053	19,205
Pada 31 Disember	76,743	56,690
JUMLAH	23,519	43,572

Aset Tak Ketara merupakan pembangunan Web Portal dan Sistem Pendaftaran MBOT yang dibangunkan bagi membantu dalam penyebaran maklumat kepada orang awam serta memudahkan pendaftaran dan pembayaran yuran keahlian melalui dalam talian.

13. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

	2022	2021
	RM	RM
Bayaran Tertunggak		
• Bayaran Panel Penilai Profesional	2,500	-
• Bayaran Panel Penilai Akreditasi	119,700	74,100
• Lain-lain Bayaran	18,899	130,606
	141,099	204,706

14. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM BAYAR

	2022	2021
	RM	RM
Program STEP4IR	102,000	-
	102,000	-

Program STEP4IR merupakan inisiatif Kerajaan Malaysia melalui Majlis Pekerjaan Negara dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia pasca-pandemik COVID-19. Kumpulan sasar bagi program ini adalah individu yang sedang mencari kerja, pekerja yang dibuang kerja, graduan universiti dan mereka yang tiada pendapatan tetap.

15. LAIN-LAIN BELUM BAYAR

	2022	2021
	RM	RM
Fi Audit	11,130	12,000
Bayaran Tertunggak	10,699	21,892
	<u>21,829</u>	<u>33,892</u>

16. PENDAPATAN TERDAHULU – FI AKREDITASI

	2022	2021
	RM	RM
Fi Akreditasi	625,650	331,000
	<u>625,650</u>	<u>331,000</u>

Nota: Pendapatan terdahulu merupakan bayaran yang sudah diterima terlebih dahulu daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk fi akreditasi yang belum dijalankan pada tahun semasa. MBOT akan mengiktiraf penerimaan ini sebagai Fi Akreditasi apabila proses akreditasi telah selesai dijalankan pada masa akan datang.

17. PERUNTUKAN MANFAAT PEKERJA

2022

	Gantian Cuti Rehat RM	Kemudahan Perubatan RM	Faedah Lain RM	Jumlah RM
Baki Pada 1 Januari	33,017	2,441	256,045	291,503
Peruntukan untuk Tahun Semasa	51,033	5,663	311,476	368,172
Bayaran Pada Tahun Semasa	(29,858)	(2,441)	(238,335)	(270,634)
	<u>54,192</u>	<u>5,663</u>	<u>329,186</u>	<u>389,041</u>
Pelarasan Peruntukan Tahun 2021	(3,159)	-	(17,710)	(20,869)
Baki Pada 31 Disember	<u>51,033</u>	<u>5,663</u>	<u>311,476</u>	<u>368,172</u>

2021

	Gantian Cuti Rehat RM	Kemudahan Perubatan RM	Faedah Lain RM	Jumlah RM
Baki Pada 1 Januari	32,683	800	212,074	245,557
Peruntukan untuk Tahun Semasa	33,016	2,441	256,045	291,502
Bayaran Pada Tahun Semasa	(29,001)	(731)	(159,967)	(189,699)
	<u>36,698</u>	<u>2,510</u>	<u>308,152</u>	<u>347,360</u>
Pelarasan Peruntukan Tahun 2020	(3,681)	(69)	(52,107)	(56,457)
Baki Pada 31 Disember	<u>33,017</u>	<u>2,441</u>	<u>256,045</u>	<u>291,503</u>

18. CUKAI

	2022	2021
	RM	RM
Baki Pada 1 Januari	(21,738)	198,525
Peruntukan Cukai untuk Tahun Semasa	92,247	46,342
Bayaran pada Tahun Semasa	(16,050)	(265,619)
Lebih Peruntukan Tahun Sebelumnya	-	(986)
Baki Pada 31 Disember	<u>54,459</u>	<u>(21,738)</u>

Perbezaan ketara antara perbelanjaan cukai dan keuntungan perakaunan dikalikan dengan kadar cukai berkanun adalah disebabkan oleh kesan cukai daripada perkara berikut: -

	2022	2021
	RM	RM
<u>Pendapatan Berkanun Lain:</u>		
Keuntungan atas Akaun Semasa	31,074	27,976
Keuntungan atas Deposit Tetap	296,613	220,533
Sumbangan	107,500	-
Jumlah Pendapatan Bercukai	<u>435,187</u>	<u>248,509</u>
Cukai Pada Kadar Berkanun	92,247	46,342
Lebih Peruntukan Tahun Sebelumnya	-	(986)
Jumlah Perbelanjaan Cukai untuk Tahun Semasa	<u>92,247</u>	<u>45,356</u>

Hasil pendapatan MBOT adalah berlandaskan kepada fungsi yang dilaksanakan seperti dalam Akta 768 dan dikecualikan cukai berdasarkan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No 22) 2006.

Pengiraan cukai di atas adalah berdasarkan keuntungan hasil pelaburan yang diperoleh daripada pelaburan ke dalam simpanan tetap dan juga sumbangan yang diterima dalam tahun semasa. Cukai akan dikira menggunakan kadar cukai yang digubal pada tarikh pelaporan.

19. HASIL URUS NIAGA PERTUKARAN

	2022	2021
	RM	RM
Fi Pendaftaran	2,605,150	2,462,740
Fi Penilaian Profesional	3,115,500	3,580,800
Fi Pembaharuan Keahlian	1,564,980	1,064,700
Fi Akreditasi	1,388,313	1,111,600
Yuran Bengkel	214,323	80,258
Yuran Tahunan - Approve Training Provider	31,500	-
Keuntungan atas Akaun Semasa	31,073	27,976
Keuntungan atas Deposit Tetap	296,613	220,533
	<u>9,247,452</u>	<u>8,548,607</u>

20. HASIL URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

	2022	2021
	RM	RM
Dana Program Upskilling for Deeptech & Futureskills – Program STEP4IR	200,000	-
Sumbangan	107,500	-
	<u>307,500</u>	<u>-</u>

21. UPAH, GAJI DAN MANFAAT PEKERJA

	2022	2021
	RM	RM
Gaji	2,150,943	1,880,447
Sumbangan Berkanun:		
• Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	295,513	227,442
• Kumpulan Wang Amanah Pencen	16,984	16,181
• Pertubuhan Keselamatan Sosial	31,315	28,120
Tuntutan Kerja Lebih Masa	11,676	9,997
Bantuan Khas Kewangan & Faedah Lain	284,817	273,066
Insentif Khas Perkhidmatan	-	5,280
Manfaat Pekerja:		
• Gantian Cuti Rehat	41,953	29,334
• Kemudahan Perubatan Klinik Panel	33,841	10,187
• Yuran Keahlian Badan Professional & Rekreasi	1,100	900
	<u>2,868,142</u>	<u>2,480,954</u>

22. SEWAAN

	2022	2021
	RM	RM
Sewaan Pejabat	350,000	348,000
Sewaan Kelengkapan Pejabat	22,309	25,080
Lain-lain Sewaan	24,840	3,770
	<u>397,149</u>	<u>376,850</u>

23. PERBELANJAAN PERJALANAN & PENGINAPAN

	2022	2021
	RM	RM
Perjalanan & Penginapan Dalam Negeri	316,106	60,207
Perjalanan & Penginapan Luar Negeri	171,108	-
	<u>487,214</u>	<u>60,207</u>

Nota: Perjalanan & penginapan dalam negeri merangkumi tuntutan perjalanan serta tempahan tiket penerbangan bagi kakitangan MBOT serta panel-panel akreditasi yang banyak membuat lawatan akreditasi di seluruh negeri dalam Malaysia. Ini kerana terdapat banyak permohonan akreditasi diterima pada tahun 2022 dari kolej vokasional dan politeknik. Bagi perjalanan & penginapan luar negeri merangkumi tempahan tiket penerbangan dan penginapan bagi penyertaan MBOT di Mesyuarat Tahunan Seoul Accord di Ireland.

24. PERHUBUNGAN DAN UTILITI

	2022	2021
	RM	RM
Perkhidmatan Pos Laju	60,449	78,870
Bekalan Elektrik	30,526	21,311
Bekalan Air	170	99
Caj Pembedungan	1,026	603
Rangkaian Internet dan Telefon	122,256	116,947
	<u>214,427</u>	<u>217,830</u>

25. LAIN-LAIN BELANJA PERKHIDMATAN

	2022	2021
	RM	RM
Perkhidmatan Guaman	20,980	27,470
Perkhidmatan Pengauditan	11,130	12,000
Perkhidmatan Penerbitan/ Promosi	-	1,000
Yuran Persidangan & Latihan	6,080	2,125
Perkhidmatan Katering	55,428	10,563
Perkhidmatan Secara Pakej	81,525	94,100
Perkhidmatan Rangkaian	-	10,054
Honorarium Penceramah/ Fasilitator	5,210	4,080
Lain-lain	213,514	164,064
	<u>393,867</u>	<u>325,456</u>

Nota: Lain-lain terdiri daripada bayaran langganan cloud server, bayaran lesen emel jabatan, caj meter mesin penyalin, bayaran caj bank, serta perkhidmatan kecil yang lain.

26. ELAUN MESYUARAT & PANEL PENILAI

	2022	2021
	RM	RM
Elaun Mesyuarat:		
J/K Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal	13,400	14,300
J/K Penerbitan	2,000	4,300
J/K Peperiksaan & Kelayakan	17,600	29,300
J/K Pemantauan Nasional & Pencalonan	-	1,100
J/K Pengurusan, Kewangan & Remunerasi	1,100	1,400
J/K Promosi dan Publisiti	-	2,300
J/K Kualiti, Latihan & Pendidikan	10,300	14,600
J/K Kerja Seoul Accord	2,600	-
Lembaga Rayuan	5,500	1,100
Elaun Panel Penilai:		
Panel Penilai Profesional	690,250	663,300
Panel Penilai Program Akreditasi	286,310	320,860
	<u>1,029,060</u>	<u>1,052,560</u>

27. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti MBOT sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pembayaran untuk kakitangan penting pihak pengurusan adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Elaun Bulanan	279,068	104,688
Elaun Kehadiran	39,500	30,500
Elaun Khas Lembaga MBOT	4,200	13,679
Bayaran Fi Profesional MBOT	1,000	1,100
	<u>323,768</u>	<u>149,967</u>

28. PROGRAM MBOT TECHNOLOGY & INNOVATION EXPO 2021 (MTEX'21)

	2022	2021
	RM	RM
Lain-lain Sewaan	-	23,000
Perbelanjaan Perjalanan & Penginapan Dalam dan Luar Negeri	-	7,369
Perkhidmatan Percetakan	-	738
Lain-lain Belanja Perkhidmatan	35,041	3,956
	<u>35,041</u>	<u>35,063</u>

29. PROGRAM ENTICE 2022

	2022	2021
	RM	RM
Lain-lain Sewaan	116,035	-
Perbelanjaan Perjalanan & Penginapan	5,894	-
Perkhidmatan Percetakan	3,788	-
Lain-lain Belanja Perkhidmatan	21,834	-
	<u>147,551</u>	<u>-</u>

30. PROGRAM UPSKILLING FOR DEEPTECH & FUTURESKILLS

	2022	2021
	RM	RM
Gaji dan elaun	15,900	-
Sumbangan berkanun	1,950	-
Fi Pendaftaran	6,670	-
	<u>24,520</u>	<u>-</u>

31. KOS PEKERJA

Jumlah perbelanjaan yang diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan adalah seperti berikut: -

	2022	2021
	RM	RM
Gaji, elaun, tuntutan kerja lebih masa dan bonus	2,587,843	2,257,958
Sumbangan Berkanun	351,690	278,449
Manfaat Pekerja	76,894	40,421
	<u>3,016,427</u>	<u>2,576,828</u>

32. DASAR DAN PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Dasar pengurusan risiko kewangan MBOT bertujuan untuk memastikan bahawa terdapatnya sumber kewangan yang mencukupi untuk menguruskan risiko kredit, risiko pasaran dan risiko kecairan. MBOT beroperasi di bawah garis panduan yang telah ditetapkan dengan jelas yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

(i) Risiko Kredit

Tunai dan Kesetaraan Tunai

MBOT menghadkan pendedahannya kepada risiko kredit dengan melabur tunai dan kesetaraan tunai dengan hanya institusi kewangan yang bereputasi baik yang mempunyai penarafan kredit yang kukuh dan dalam garis panduan tertentu yang ditetapkan selaras dengan dasar pelaburan yang diluluskan. Oleh itu, MBOT tidak menganggap terdapat sebarang pendedahan yang ketara kepada risiko kredit.

(ii) Risiko Pasaran

Risiko Kadar Faedah

Risiko pasaran adalah risiko perubahan harga pasaran seperti kadar faedah, yang mempengaruhi pendapatan MBOT atau nilai pegangan instrumen kewangannya. Objektif pengurusan risiko pasaran adalah untuk mengurus dan mengawal pendedahan risiko pasaran dalam parameter yang boleh diterima, sambil mengoptimumkan pulangan atas risiko.

Analisis kepekaan kadar faedah tetap

MBOT tidak mengkategorikan sebarang aset kewangan yang mempunyai kadar faedah tetap pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan. Oleh itu, tiada kesan kadar faedah ke atas penyata prestasi kewangan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa MBOT akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan MBOT kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti MBOT pada tarikh laporan.

32. DASAR DAN PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

	Dalam tempoh setahun RM	Lebih tempoh setahun RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2022			
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	141,099	-	141,099
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar	102,000	-	102,000
Lain-lain Belum Bayar	21,829	-	21,829
Peruntukan Manfaat Pekerja	368,172	-	368,172
Peruntukan Cukai	92,247	-	92,247
	<u>725,347</u>	<u>-</u>	<u>725,347</u>
Pada 31 Disember 2021			
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	204,706	-	204,706
Lain-lain Belum Bayar	33,892	-	33,892
Peruntukan Manfaat Pekerja	291,503	-	291,503
Peruntukan Cukai	46,342	-	46,342
	<u>576,443</u>	<u>-</u>	<u>576,443</u>

MBOT mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi dan menyediakan dana yang cukup bagi memenuhi komitmen daripada perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan.

Pengurusan Risiko Modal

Objektif utama pengurusan risiko modal MBOT adalah untuk memastikan terdapat tunai yang mencukupi bagi menyokong keperluan pembiayaan MBOT termasuk perbelanjaan modal serta memastikan bahawa MBOT kekal kukuh dari segi kewangan. MBOT sentiasa memantau aliran tunainya bagi memastikan setiap komitmen MBOT dapat dipenuhi apabila sampai masanya.

33. KOMITMEN MODAL

Komitmen adalah peringkat antara perjanjian dimeterai antara dua atau lebih pihak (sama ada yang menandatangani kontrak atau meluluskan undang-undang) dengan keperluan memenuhi syarat perjanjian oleh satu atau lebih pihak, yang mewujudkan obligasi untuk dilaksanakan oleh pihak yang tinggal.

MBOT telah membuat perolehan bagi kerja-kerja pengubahsuaian ruang pejabat dan lain-lain kerja berkaitan pejabat di unit A1-3-3, Ayer@8, Jalan P8G, Presint 8, Putrajaya.

	2022	2021
	RM	RM
KOS		
Pada 1 Januari	140,220	-
Pengubahsuaian Pejabat	-	-
Jumlah Kontrak	-	486,473
Tolak: Pelarasan	-	(20,609)
Jumlah keseluruhan	140,220	465,864
Tolak:		
Bayaran pertama (7/4/2021)	-	(325,644)
Bayaran kedua (8/2/2022)	(115,896)	-
Bayaran akhir (7/9/2022)	(24,324)	-
Jumlah	-	140,220

Bayaran kedua telah dibuat pada 8/2/2022 berjumlah RM115,896 dan baki berjumlah RM24,324 adalah merupakan Wang Tahanan juga telah dibayar pada 7/9/2022.


34. PEMBUNDARAN

Penyata kewangan ini dibundarkan kepada nilai Ringgit terdekat dan pembentangnya tidak mengabaikan maklumat yang material.

35. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

MBOT tidak menyediakan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar kerana tidak menerima sebarang peruntukan yang diwartakan.







LAPORAN TAHUNAN



LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA
MALAYSIA BOARD OF TECHNOLOGISTS

2022

www.mbot.org.my [03-8800 6268](tel:03-88006268) info@mbot.org.my

[A1-3-1 & A1-3-3, Ayer@8, Jalan P8G, Presint 8, 62250 Putrajaya](#)

[Malaysia Board of Technologists](#) [mbot.my](#)